GARIS PANDUAN PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN

JABATAN WARISAN NEGARA 2017
KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN

Garis panduan ini menggantikan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan versi 2012, 2014 dan 2016 yang disediakan oleh Jabatan Warisan Negara, Malaysia.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), peraturan-peraturan, dasar Persekutuan dan Negeri, serta garis panduan yang telah disediakan oleh Jabatan atau agensi-agensi teknikal berkaitan.

Prakata

Sejak penubuhan Jabatan Warisan Negara pada tahun 2006. Bahagian Konservasi, Jabatan Warisan Negara telah membuat beberapa penambahbaikan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan 2016 sebagai panduan untuk pelaksanaan kerja pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia dan memastikan segala usaha pemuliharaan dapat dilaksanakan selaras dengan kehendak dan keperluan Akta Warisan kebangsaan 2005 (Akta 645). Selaras dengan visi dan misi Jabatan Warisan Negara untuk memelihara dan memulihara khazanah warisan bangsa dan negara, penyediaan dan penerbitan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan 2016 ini disediakan selaras dengan fungsi Pesuruhjaya Warisan untuk menggalakkan dan mengawal selia standard dan amalan yang terpakai dalam pemuliharaan dan pemeliharaan warisan.

Oleh itu, Bahagian Konservasi, Jabatan Warisan Negara telah mengambil langkah proaktif bagi melakukan semakan terhadap Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan dengan bantuan daripada ahli akademik dan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkaitan dengan pemuliharaan bangunan warisan bagi memastikan isi kandungan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan Jabatan Warisan Negara bertepatan dengan keperluan dan prinsip pemuliharaan bangunan warisan.

Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan ini diterbitkan dalam dwibahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) dalam usaha menggalakkan pemuliharaan dan pemeliharaan untuk memanjangkan jangka hayat bangunan supaya ia boleh terus kekal untuk generasi yang akan datang. Objektif penyediaan Penerbitan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan ini adalah seperti berikut:

- Sebagai panduan asas kepada pihak yang bertanggungjawab dalam mematuhi prosedur dan prinsip pemuliharaan yang diaplikasi dalam pemuliharaan bangunan di Malaysia adalah berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan juga merujuk kepada prinsip pemuliharaan bangunan warisan sebagaimana yang terkandung dalam piagam dan garis panduan antarabangsa seperti UNESCO dan ICOMOS.

- Panduan arahan dan etika pemuliharaan yang terdiri daripada batasan-batasan kerja dan gangguan yang dibenarkan dalam melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan.

Semakan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan ini adalah permulaan kepada beberapa langkah proaktif yang telah diambil seperti melantik Konservator Berdaftar dengan Jabatan Warisan Negara dalam membantu kerja-kerja Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia. Dengan adanya Konservator Berdaftar dengan Jabatan Warisan Negara, pihak Jabatan berharap para konservator dapat memastikan semua aktiviti dan kerja yang berkaitan dengan Pemuliharaan Bangunan Warisan mestilah mematuhi prinsip dan prosedur yang terkandung dalam garis panduan.Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan Jabatan Warisan Negara dan Garis Panduan lain-lain dari pihak berkuasa tempatan diharapkan dapat membantu dalam memberi panduan terhadap kerja-kerja awalan bagi melaksanakan kerja pemuliharaan bangunan warisan.

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Pesuruhjaya Warisan dan juga mereka yang telah bertungkus-lumus bagi menghasilkan garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan ini. Penghargaan diberikan kepada: -

BIL	ORGANISASI	NAMA
	Panel Pakar Jemputan	
1	• Universiti Sains Malaysia	Prof. Dr. A Ghafar B. Ahmad
2	• Universiti Teknologi Mara	Prof. Madya. Dr. Siti Norlizaiha Bt Harun
3	• Universiti Teknologi Mara	Prof. Madya. Amran B. Abdul Rahman
4	• Universiti Teknologi Mara	Dr. Shahrul Yani Bt. Said
5	• Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Dr. Nurul Hamiruddin Bin Salleh
6	• Universiti Malaya	Sr. Dr. Zuraini Bt. Md Ali
7	• George Town World Heritage Incorporated	Lim Chooi Ping
	Jabatan Warisan Negara	
8	• Ketua Pengarah	Dato' Dr. Zainah Bt. Ibrahim
9	• Timbalan Ketua Pengarah	Tuan Hj. Mesran Bin Mohd Yusop
10	• Bahagian Konservasi	Sr. Dr. Robiah Bt Abdul Rashid • Sangam@ Musa Antok • Wan Noazimah Bt. W Kamal • Sahrudin B. Mohamed Som • Edwin Clarie Edward • Rafeah Bt Ibrahim • Nasarudin Bin Sulaiman • Mahadzir Bin Mohd Aris • Mas Ayu Bt Mohd Tahir • Mohamad Fitri Bin Pathil • Afiszal Bin Abu Sha'ari • Mohd Risham Bin Mohd Rawi • Johari Bin Baharom • Mohd Hadi Bin Muhamad Ganti • Shairul Atikah Bt. Mohd Sha'ari • Mohd Dzahirudeen Bin Yahaya • Fakhrul Iqbal Akhrul Iqbal Bin Mohd Fauzi •
11	• Bahagian Pengurusan	Muhammad Heeza Bin Hassan
12	• Bahagian Daftar Warisan	Muhammad Muda Bin Bahadin
13	• Bahagian Arkeologi	Ruzairy Bin Arbi
14	• Bahagian Warisan Tidak Ketara	Khalid Bin Syed Ali
15	• Bahagian Warisan Dunia	Mohd Syahrin Bin Abdullah
16	• Zon Tengah	Johar Bin Kadis
17	• Zon Selatan	Masni Bt. Adeni
18	• Zon Utara	Ardi Asmera Bin Saeman
19	• Zon Timur	Mohd. Syukri Bin Mohd. Isa

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN SATU

BAHAGIAN SATU

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan disediakan sebagai panduan untuk pelaksanaan kerja pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. Penyediaan garis panduan ini merujuk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan garis panduan pemuliharaan di peringkat antarabangsa iaitu *United Nations Education, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)* dan piagam-piagam di bawah *International Council on Monuments and Sites (ICOMOS)* seperti Piagam Burra, Piagam Australia 1999 (*Charter for the Conservation of Places of Cultural Significance*). Rujukan garis panduan UNESCO dan ICOMOS dalam garis panduan ini lebih kepada prinsip pemuliharaan bangunan. Selain daripada Akta 645 dan garis panduan antarabangsa, penyediaan garis panduan ini juga berasaskan amalan pemuliharaan bangunan warisan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN). Dengan adanya garis panduan ini, semua aktiviti dan kerja yang berkaitan dengan pemuliharaan bangunan warisan mestilah mematuhi prinsip dan prosidur yang terkandung dalam garis panduan ini.

Kandungan garis panduan ini terbahagi kepada empat (4) bahagian utama iaitu:

BAHAGIAN 1 : Pengenalan
BAHAGIAN 2 : Prinsip Dan Proses Pemuliharaan
BAHAGIAN 3 : Kaedah Dan Teknik Pemuliharaan
BAHAGIAN 4 : Pendokumentasian

1.1 DEFINISI WARISAN

Warisan umumnya didefinisikan sebagai sesuatu yang bernilai yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi yang baru. Ia merangkumi adat resam, kebudayaan, kawasan, bangunan, bahan arkib dan cetakan termasuk penulisan buku dan makalah. Warisan kebudayaan merupakan aset yang bernilai kerana ia mempunyai nilai estetika, arkeologi, seni bina, budaya, sejarah, saintifik, sosial, spiritual, linguistik atau teknologi. Secara khususnya *United Nations Education, Scientific and Cultural Organization* (*UNESCO*) 1972 mendefinisikan warisan ketara sebagai merangkumi aspek-aspek berikut:

- **Monumen:** hasil kerja seni bina, ukiran monumen dan lukisan, elemen atau struktur arkeologi, tulisan dan ukiran pada dinding, kediaman dalam gua dan ciri-ciri lain yang menggambarkan nilai sejagat (*universal value*) yang tinggi dari aspek sejarah dan seni.

- **Sekumpulan bangunan:** sekumpulan bangunan yang berkelompok atau terasing, yang bernilai dari segi seni bina, *homogeneity* atau *tataletak (setting)* dalam landskap yang menggambarkan nilai sejagat yang tinggi dari segi sejarah, seni dan sains.

- **Tapak:** hasil kerja manusia atau alam semulajadi atau kombinasi keduanya termasuk tapak arkeologi yang menggambarkan nilai tinggi sejarah, estetika, etnologi atau antropologi.

Tafsiran Akta Warisan Kebangsaan 2005 berkaitan Bangunan Warisan

- **Bangunan**

  "bangunan" ertinya suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan oleh seni binanya, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains;

- **Tapak**

  "tapak" termaksuklah mana-mana kawasan, tempat, zon, warisan semula jadi, monumen atau bangunan yang melekat pada tanah, rizab arkeologi dan mana-mana tanah dengan bangunan, taman, pokok atau rizab arkeologi;

- **Warisan Kebudayaan yang penting**

  "warisan kebudayaan" termasuklah bentuk ketara atau tidak ketara harta, struktur atau artifak kebudayaan dan boleh termasuk perkara, objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzik warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia, dari segi sejarah atau semasa, di atas atau di dalam tanah atau warisan kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semula jadi;

- **Zon**

  "zon" ertinya sesuatu kawasan atau sebahagian daripada sesuatu kawasan bagi maksud pemeliharaan dan pembaikpulihan berkenaan dengan landskap luar Bandar dan Bandar, sama ada semula jadi atau buatan manusia, yang mempunyai apa-apa warisan kebudayaan yang penting.

- **Tapak Warisan**

  "tapak warisan" ertinya sesuatu tapak yang ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah seksyen 24;

1.2 KONSEP PEMULIHAN

Konsep pemuliharaan warisan yang diterima dan dipraktis sejagat ialah "Keaslian dalam Pemuliharaan Warisan". Keaslian boleh dianggap sebagai satu aspek estetik manakala proses untuk mengembalikannya adalah perkara etika. Dalam konteks pemuliharaan bangunan warisan, aspek yang paling penting adalah kepatuhan kepada kepentingan nilai-nilai warisan.



Foto 1: Masjid Lama Kampung Kuala Dal, Kuala Kangsar, Perak merupakan bangunan kelarai buluh dibina pada 1938

Sumber : Pemuliharaan Masjid Kampung Kuala Dal, 2009

Keaslian Bahan Binaan

Keaslian bahan merupakan aspek yang paling utama. Bahan binaan dianggap nilai penting pada bangunan kerana ia telah membawa bersama nilai sejarah masa lepas. Dalam bahan binaan ini terkandung bukti-bukti mengenai ilmu pengetahuan terdahulu gubahan idea dan keunggulan bangunan. Bahan binaan bangunan warisan banyak bersumberkan bahan semulajadi seperti kayu, batu dan kapur. Tujuan pengekalan keaslian bahan binaan bukan sahaja bagi tujuan sejarah dan nilai budaya malahan penggunaan semula bahan yang sama atau hampir sama seperti yang asal adalah lebih serasi dari segi tindak balas bahan selain kesepadanan dari segi rupa.

Keaslian Reka Bentuk

Setiap bangunan lama mempunyai sejarah perkembangan pembinaan. Bangunan yang masih kekal pada masa kini telah melalui pelbagai perubahan pada binaan mengikut era dan penghuni yang mendiaminya. Dalam keadaan ini konsep keaslian akan menjadi bertambah sukar kerana untuk menentukan reka bentuk yang sebenar di samping memastikan dan memilih era apakah bangunan patut dipulihara perlu dikaji dengan teliti. Bagi pemuliharaan reka bentuk, adalah perlu untuk mengkaji struktur asal bangunan, gaya seni bina dan hubungan bangunan dengan persekitaran.

Keaslian Kerja Binaan/Pertukangan

Bangunan Warisan mempunyai keunikan dari segi kerja binaan atau pertukangan tukang-tukang pada zaman dahulu. Kesenian kerja binaan mestilah dikekalkan dan sebarang pemuliharaan dan pembaikan pada bahan yang rosak atau hilang bahagian penyambungan mestilah dipulihara dengan bahan yang asal juga mengikut teknik kerja pertukangan asal. Kerja-kerja membaik pulih kerosakan mestilah menghasilkan bentuk yang harmoni di antara yang asal dengan yang baharu.

Keaslian Tataletak
Bentuk bangunan dan kedudukan bangunan termasuklah susun atur kawasan dan bangunan mestilah dikekalkan seperti yang asal. Keaslian pada bentuk dan susun atur bangunan dapat menstrukturkan gambaran sebenar berkenaan bentuk bangunan dan mengaitkannya dengan peristiwa-peristiwa sejarah yang dialami. Biasanya keaslian bentuk dan tataletak ini diperolehi selepas penyelidikan arkeologi dilakukan.

1.3 PENDEKATAN PEMULIHARAAN

Pemuliharaan merupakan satu proses menjaga dan mengawasi sesebuah bangunan warisan dari dimusnahkan atau dibaikpulih tanpa perancangan dan pengurusan yang sistematik. Pemuliharaan melibatkan kerja-kerja bagi mengekalkan keadaan asal sesebuah bangunan dan tapak warisan dan usaha ini merupakan satu proses untuk memanjangkan jangka hayat bangunan supaya ia boleh terus kekal untuk generasi yang akan datang. Usaha untuk memulihara dan memelihara bangunan warisan melibatkan beberapa pendekatan. Maksud pendekatan adalah tindakan-tindakan yang berbentuk proses kerja bagi memulihara bangunan. Pendekatan pemuliharaan didalam garis panduan ini merupakan tafsiran yang dirujuk dalam **Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) Bahagian I, Seksyen 2.**

Pengekalan
Pengekalan *(preservation)* didefinisikan sebagai kerja pembaikan untuk mengekalkan sesuatu dalam keadaan asal dan hendaklah dijalankan jika perlu dalam usaha untuk mencegah pereputan berlaku pada masa akan datang. Pengekalan merupakan usaha untuk memastikan fabrik pada sesuatu tempat itu berada dalam keadaan asalnya dan mencegah dari berlakunya keusangan. Pengekalan secara lazim melibatkan kerja-kerja pengawasan dan penjagaan sesebuah monumen dan tapak tanah bersejarah agar tidak mengalami kerosakkan dengan menggunkan kaedah saintifik dan sistematik.

Pencegahan
Pencegahan *(prevention)* didefinisikan sebagai usaha melindungi bangunan bersejarah dengan mengawal alam persekitaran yang secara tidak langsung mencegah agen kereputan dan kerosakan dari menjadi aktif. Pencegahan ini merangkumi kawalan ke atas kelembapan dalaman, suhu dan cahaya termasuklah tindakan untuk mengelakkan kebakaran, khianat, kecurian dan vandalisma dengan menyediakan kaedah pengurusan bangunan yang baik. Pencegahan dapat dilakukan melalaui pemeriksaan berkala, penyenggaraan dan jadual pencucian untuk mencegah kemerosotan serta kerosakan bangunan dari berlaku.

Pengukuhan
Pengukuhan *(consolidation)* didefinisikan sebagai tambahan dalam bentuk fizikal atau aplikasi menggunakan bahan tambahan atau bahan sokongan ke atas struktur asal pada sesebuah bangunan bersejarah bertujuan untuk meneruskan ketahanan dan integritinya dalam usaha untuk mengekalkan keaslian bahan dan rupa bentuknya. Dalam erti kata lain, tiada satupun bahan yang mempunyai nilai sejarah boleh dialih dan dilupuskan begitu sahaja.

Pengembalian Semula
Pengembalian semula *(restoration)* didefinisikan sebagai usaha untuk mengembalikan atau menghidupkan semula konsep keaslian yang terdapat pada bangunan warisan. Lazimnya melibatkan perincian dan rupa bentuk bahan itu dilakukan dengan mengambil kira keaslian bahan, bukti arkeologi, reka bentuk asli dan dokumentasi rujukan dari sumber yamg sah. Pengembalian semula lazimnya melibatkan usaha untuk mendapatkan bentuk dan butiran secara tepat sesuatu benda sewaktu ia wujud dalam satu tempoh masa yang tertentu melalui penanggalan atau pengantian bahan yang telah hilang dengan yang baru. Pengembalian semula juga turut melibatkan kerja-kerja baik pulih dengan mengekalkan keaslian seni bina dan bahan binaannya kepada suatu masa atau era tertentu yang difikirkan sesuai atau sebaik mungkin ke tahap mula didirikan dan hinggalah kegunaannya yang asal.

Pemulihan
Proses mengembalikan *(rehabilitation)* sesuatu bangunan atau tapak kepada keadaan kebergunaan melalui pembaikan atau pengubahan, yang memungkinkan penggunaan semasa yang bersesuaian sambil memelihara bahagian dan ciri bangunan atau tapak itu yang penting kepada seni bina dan sejarah.

Pengeluaran Semula
Pengeluaran semula *(reproduction)* didefinisikan sebagai penyalinan sesebuah artifak yang lazimnya bertujuan untuk mengantikan bahagian kompenan yang hilang atau reput agar nilai estetik secara keseluruhannya terpelihara. Pengeluaran semula turut melibatkan kerja menyalin artifak dan bahan hiasan yang diancam kerosakan dalam usaha untuk mengekalkan keharmonian nilai estetiknya.

Pembinaan semula
Proses pembinaan semula *(reconstruction)* struktur secara tepat melalui suatu pembinaan baru, rupa bentuk dan perincian suatu struktur yang telah hilang, atau sebahagian daripada struktur itu, sebagaimana yang didapati pada suatu tempoh masa dan termasuklah pembinaan semula keseluruhan atau sebahagian. Pembinaan semula harus mengambilkira rekabentuk asal bangunan dan boleh dianggap sebagai replika sesebuah bangunan yang telah musnah.

Penyesuaigunaan Semula
Kerja-kerja mengubah suai *(adaptive reuse)* fungsi dan kegunaan bangunan lama kepada yang baharu, tetapi masih mengekalkan bentuk dan ciri-ciri bangunan yang asal. Sebelum kerja-kerja ubah suai fungsi dilakukan, butiran bangunan seperti penggunaan ruang asal dan ciri-ciri elemen asal mestilah direkodkan. Lukisan 'measured drawing' dan lukisan binaan baharu mesti disediakan bagi tujuan rekod perubahan pada bangunan

Penyenggaraan
Penyenggaraan *(maintenance)* didefinisikan sebagai menjalankan kerja, membaiki, dan penjagaan ke atas struktur bangunan bersejarah secara berterusan dan dilakukan selepas pembinaan atau selepas pengembalian semula selesai pada suatu tahap yang memuaskan dalam usaha untuk mengelakkan kemerosotan.

BAHAGIAN DUA

BAHAGIAN DUA

2.0 PRINSIP DAN PROSES PEMULIHARAAN

Prinsip-prinsip yang memandu kepada pelaksanaan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan ini mengandungi kenyataan dari segi maksud, panduan, arahan dan etika pemuliharaan yang terdiri daripada batasan-batasan kerja dan gangguan yang dibenarkan dalam melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan.

Apabila sesebuah bangunan warisan hendak dipulihara, aspek utama yang menjadi matlamat dan nilai pada projek adalah kepentingan budaya, sejarah dan seni bina bangunan. Bangunan warisan hendaklah dipulihara sebagaimana bentuknya yang asal. Ini melibatkan keaslian bangunan dari segi seni bina, bahan binaan, kaedah dan teknik binaan termasuklah tekstur, fasad dan warna bangunan. Bagi mencapai matlamat pemuliharaan, proses kerja yang dilakukan adalah berpandukan prinsip iaitu panduan-panduan yang memastikan bangunan warisan sentiasa terpelihara sepanjang projek dilaksanakan.

Prinsip pemuliharaan juga diaplikasikan dalam proses pemuliharaan. Ia merupakan aspek-aspek yang berkaitan dengan nilai yang terdiri daripada ciri-ciri etika dan kualiti estetika dalam melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan. Etika dalam prinsip-prinsip pemuliharaan amat menekankan kepada sikap yang baik ke atas bangunan warisan manakala kualiti estetika ialah pengekalan kualiti seni bina bangunan sebagaimana yang asal atau yang asli. Bagi mencapai hasil kualiti kerja yang baik, Jabatan Warisan Negara amat menekankan kepada kepatuhan terhadap prinsip pemuliharaan. Prinsip pemuliharaan yang diaplikasi dalam kerja-kerja pemuliharaan di Malaysia adalah berpandukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan juga merujuk kepada prinsip pemuliharaan bangunan warisan sebagaimana terkandung dalam piagam dan garis panduan antarabangsa seperti UNESCO dan ICOMOS.

2.1 PRINSIP PEMULIHARAAN

Antara prinsip-prinsip asas pemuliharaan yang terkandung dalam piagam antarabangsa ialah :

i. Dapat memanjangkan usia bangunan.
ii. Menghormati kualiti tempat.
iii. Mengutamakan bahan yang asal juga keaslian kerja tangan.
iv. Berhati-hati membuat penyelidikan dan perekodan sebelum gangguan.
v. Pemuliharaan merupakan kerja-kerja yang menganggu bangunan dari segi kedudukan, susunan dan fabrik bangunan. Oleh itu sebarang gangguan untuk penyelidikan dan kerja awalan mestilah paling minimum.
vi. Toleransi dalam interpretasi dan kegunaan.
vii. Risiko paling minimum ke atas kehilangan bahagian-bahagian yang penting dan kerosakan yang tidak dijangka semasa ujian ke atas bahan binaan.
viii. Gangguan yang boleh dikembalikan semula.
ix. Pengubahsuaian yang paling minimum ke atas fabrik bangunan.
x. Dapat membezakan antara bahan lama dengan baharu.
xi. Memberi peneguhan yang maksimum kepada struktur asal.
xii. Menyediakan dokumentasi sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja pemuliharaan.

2.2 PROSES PEMULIHARAAN

Pemuliharaan merupakan satu proses menjaga dan mengawasi sesebuah bangunan warisan dari dimusnahkan atau dibaikpulih tanpa perancangan dan pengurusan yang sistematik. Pemuliharaan melibatkan kerja-kerja yang cuba mengekalkan keadaan asal sesebuah bangunan dan tapak warisan seperti mana yang asal dan dapat mengekalkan kepentingan kebudayaan. Proses menjaga termasuklah pemuliharaan, pembaikan, pembinaan semula dan penyesuaigunaan, dan biasanya lebih daripada salah satu kombinasi diperlukan. Proses pemuliharaan merupakan pemanjangan usia bangunan agar bangunan itu sentiasa berfungsi.

Tujuan utama pemuliharaan ialah untuk menjaga kepentingan budaya dengan pengekalan fabrik melalui kaedah pemuliharaan yang betul supaya dapat memanjangkan usia bangunan dan dapat berfungsi dengan baik.

Proses pemuliharaan bangunan warisan terbahagi kepada lima (5) peringkat seperti berikut:

Kajian awalan
Menjalankan kajian awalan bagi mendapatkan maklumat tentang bangunan merangkumi lokasi, latar belakang sejarah, nilai-nilai kepentingan, keadaan semasa dan pemilik.

Kajian dilapidasi
Menjalankan kajian dilapidasi bagi mengenalpasti jenis dan tahap kerosakan bangunan serta mengemukakan cadangan kaedah pemuliharaan.

Penyediaan Dokumen
Menyediakan dokumen tender atau sebut harga bagi menentukan skop kerja, kaedah dan teknik pemuliharaan bangunan beserta anggaran kos.

Kerja kerja pemuliharaan
Menjalankan kerja-kerja pemuliharaan bangunan berdasarkan garis panduan ini, termasuk menyediakan Laporan Awalan, Laporan Kajian Dilapidasi, Laporan Sebelum, Semasa Dan Selepas Pemuliharaan, Laporan Akhir Dan Rakaman Video.

Pelan Penyenggaraan
Pelan penyenggaraan disediakan bagi memastikan bangunan diurus dan disenggara dengan baik dari semasa ke semasa melalui kaedah dan teknik yang betul. Ia merupakan satu perancangan bagi menjalankan penyenggaraan secara berkala.

2.2.1 Konservator

Kerja-kerja pemuliharaan mesti dikendali dan diurus oleh mereka yang mempunyai kelayakan teknikal dan pengalaman profesional dalam pemuliharaan bangunan warisan. Oleh itu, Pegawai Penguasa/Perunding Arkitek/Kontraktor hendaklah melantik (jika perlu) seorang Konservator bagi pihak mereka untuk mengawasi kerja-kerja yang akan dilaksanakan.

Skop tugas seorang konservator adalah seperti berikut:

i. Memahami sejarah dan teknologi monumen bangunan atau tapak bagi memudahkan pengenalpastian identiti, merancang pemuliharaan dan interpretasi hasil penyelidikan.
ii. Memahami perletakan monumen, bangunan atau tapak, kandungan dan persekitaran yang berkaitan dengan bangunan atau landskap.
iii. Memahami dan menganalisis ciri-ciri monumen, bangunan atau tapak.
iv. Diagnosis punca-punca asas kerosakan bangunan dan boleh mencadangkan tindakan pemuliharaan.
v. Menyiasat dan membuat laporan kerosakan yang disokong dengan lakaran dan gambar yang bersesuaian.
vi. Membuat keputusan berasaskan etika dan prinsip, dan tanggungjawab jangka panjang ke atas warisan budaya.
vii. Menjelaskan pandangan dan memberi nasihat ke atas bidang yang perlu dikaji oleh pakar seperti lukisan dinding, arca dan objek/tapak yang mempunyai nilai seni dan budaya.
viii. Memberikan nasihat kepakaran berkaitan strategi penyenggaraan, polisi pengurusan dan rangka kerja untuk penjagaan alam sekitar, pengekalan monumen, bangunan dan tapak.
ix. Mendokumentasikan semua kerja.
x. Bekerja dalam kumpulan yang pelbagai bidang/disiplin dan kepakaran.
xi. Boleh bekerja dengan semua kumpulan sama ada pentadbir, pengurus dan perancang bagi menyelesaikan konflik dan merancang strategi pemuliharaan.

Pelantikan konservator bagi projek pemuliharaan untuk mana-mana bangunan Warisan atau Warisan Kebangsaan (yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005), ianya mestilah merujuk kepada senarai Konservator Berdaftar Jabatan Warisan Negara bagi mendapat ulasan dan pengesahan daripada Pesuruhjaya Warisan.

2.2.2 Pelantikan Kontraktor

Bagi mana-mana kerja konservasi yang melibatkan bangunan Warisan dan Warisan Kebangsaan, pihak pegawai penguasa mestilah memastikan perlantikan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dibawah kod B03 (pemulihan dan pemuliharaan) bagi memastikan kerja-kerja dapat dilaksanakan dengan baik sehingga mencapai matlamat yang ditetapkan.

- Pegawai Penguasa perlu mendapatkan ulasan bertulis daripada Pesuruhjaya Warisan sebelum melantik Konservator dan Kontraktor bagi memastikan perlantikan dibuat selaras dengan keperluan JWN.

2.3 PANDUAN KERJA PEMULIHARAAN

Perlindungan

Struktur dan komponen bangunan warisan perlu dilindungi semasa kerja pemuliharaan supaya tiada kerosakan tambahan berlaku. Sesetengah komponen bangunan warisan tidak dapat ditanggalkan dan perlu dipulihara di tempat asalnya. Oleh itu ia perlu dilindungi bagi memelihara komponen atau elemen bangunan semasa kerja-kerja pemuliharaan dilakukan. Contohnya membina bumbung sementara bagi memberi perlindungan pada struktur bumbung sedia ada.

Mengenalpasti dan Mengekalkan Elemen

Setiap komponen dan elemen bangunan yang hendak di pulihara termasuklah bumbung, dinding, lantai, tiang, pintu, tingkap dan elemen dekorasi bangunan hendaklah dikenalpasti dari aspek ciri-ciri elemen dan mengekalkan keseluruhan ciri-ciri yang mempunyai kepentingan sejarah dan budaya. Melalui pengenalpastian dan pengekalan ciri-ciri elemen yang penting kepada sejarah bangunan ini, secara tidak langsung pihak terlibat dapat merangka dan merancang tatacara kerja bagi pemuliharaan setiap komponen dan elemen bangunan.

Mengganti Elemen yang Rosak

Elemen-elemen yang mengalami kerosakan yang terlalu teruk seperti reput, patah, pecah atau diserang anai-anai dan kulat perlu digantikan dengan bahan yang sepadan seperti yang asal dan hendaklah ditandakan pada bahan pengganti dengan tag yang mempunyai tarikh elemen dipulihara. Ini bagi membezakan bahan yang lama dan yang baharu. Keseluruhan kerja penggantian hendaklah direkod dengan menandakan lokasi tersebut di atas pelan/lukisan.

Merawat dan Menjaga

Bahan-bahan yang telah dibaiki dan dipulihara hendaklah dijaga dan disenggarakan dengan baik semasa kerja-kerja pemuliharaan sedang berjalan. Elemen yang mungkin terdedah kepada kerosakan baharu seperti kotoran pada permukaan atau kesan tindakan mekanikal seperti calar akibat geseran beban berat hendaklah dilindungi. Bahan-bahan kayu memerlukan rawatan terlebih dahulu seperti rawatan kimia atau proses pengeringan diluar tapak hendaklah dilakukan dengan baik. Penggunaan bahan kimia berbahaya harus mematuhi prosedur keselamatan dan khidmat nasihat pakar diperlukan.

Pengubahsuaian dan Penambahan
Memasang sebarang peralatan atau perkakas baharu bagi fungsi perkhidmatan dalam bangunan seperti pemasangan penghawa dingin, lif, pendawaian elektrik termasuklah tambahan fungsi baharu bangunan seperti anjung letak kereta, cermin/kaca pada bukaan. Pengubahsuaian dan penambahan mestilah tidak mengubah bentuk dan fungsi asal bangunan dan menggunakan bahan binaan yang harmoni dengan keseluruhan rupa bangunan dari aspek warna dan reka bentuk.

Bangunan Tambahan atau Bangunan Baharu
Sebarang cadangan bangunan tambahan atau bangunan baharu yang hampir dengan bangunan sedia ada atau berada dalam tapak yang sama mestilah:

i. Pembinaan baharu seperti penambahan pada sesebuah tapak dibenarkan apabila ia tidak merosak atau mengaburkan kepentingan budaya tapak tersebut atau jauh daripada interpretasi dan apresiasi ke atas keasliannya yang sebenar.
ii. Cadangan bangunan baharu yang hampir dengan bangunan warisan sedia ada perlu mengambilkira pengekalan karektor seni bina bangunan warisan, integriti tapak dan tataletak ruang bersejarah;
iii. Pembangunan baharu mesti tidak menjejaskan struktur asal, reka bentuk dan seni bina bangunan warisan;
iv. Tiada pembinaan menegak yang boleh melindungi atau menghalang pandangan kearah bangunan Warisan atau Warisan Kebangsaan. Pembinaan struktur baharu dalam tapak/bangunan warisan, tidak boleh mendominasi atau melebihi reka bentuk dan ketinggian bangunan sedia ada;
v. Ketinggian dan jarak bangunan baharu dari bangunan warisan mestilah menghasilkan satu kehormanian seni bina kepada bangunan dan tataletak tapak warisan. Pihak pemaju perlu kreatif bagi mentafsirkan aspek keharmonian seni bina samada ianya berupa reka bentuk yang menyerupai bangunan warisan sedia ada atau pun pembinaan baharu yang boleh dibezakan dengan yang lama.
vi. Kerja-kerja pembinaan baharu tidak boleh mengganggu struktur Bangunan Warisan atau Bangunan Warisan Kebangsaan. Penyediaan kajian dilapidasi dan lukisan terukur mesti dihasilkan sebelum kerja-kerja pembinaan baharu bermula.
vii. Reka bentuk cadangan perlu mengambilkira elemen, skala serta karektor bangunan dan tapak tanpa menenggelamkan nilai senibina dan identiti bangunan Warisan atau Warisan Kebangsaan sedia ada serta tidak mengelirukan orang ramai untuk mengenalpasti bangunan warisan yang sebenar;
viii. Pemilihan warna, tekstur dan bahan binaan pembangunan baharu hendaklah harmoni dengan persekitaran dan seni bina bangunan Warisan atau Warisan Kebangsaan.
ix. Apa-apa pembangunan hendaklah mengambil kira pemajuan kesan trafik yang minimum ke atas bangunan warisan atau monumen tersebut.

Nota Tambahan : Bagi mana-mana cadangan pembangunan atau penambahan baharu terhadap bangunan Warisan atau Warisan Kebangsaan yang terletak dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO, ianya adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Pemuliharaan serta Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tapak Warisan Dunia tersebut.

BAHAGIAN TIGA



BAHAGIAN TIGA

3.0 KAEDAH DAN TEKNIK PEMULIHARAAN

Bangunan warisan mempunyai seni bina yang unik. Elemen seperti bumbung, dinding, lantai, tiang, bukaan, tangga dan dekorasi dapat menyumbang kepada karektor sesebuah bangunan warisan. Kesemua elemen bangunan warisan perlu dikekalkan sebagaimana bahan yang asal termasuk kedudukan elemen. Sebarang perubahan pada elemen akan memberi kesan kepada rupabentuk bangunan selain perubahan kepada keaslian karektor bangunan warisan. Setiap proses kerja memulihara bahagian dan elemen bangunan mestilah dimulakan dengan penyiasatan yang jujur dan cermat. Kerja-kerja merawat, membuka, mengeluar dan pemasangan semula mestilah dilakukan dengan gangguan yang minima.

Sebarang penggantian bahan baharu juga mestilah sepadan dengan yang asal. Keadaan bangunan mesti direkodkan sebelum, semasa dan selepas pemuliharaan.

Prinsip kerja perlu diikuti pada setiap peringkat kerja bangunan bagi memastikan bangunan warisan sentiasa terpelihara dan kukuh sepanjang projek pemuliharaan dilaksanakan. Garis panduan ini hanya menggariskan panduan kerja dari aspek prinsip pemuliharaan bangunan sahaja. Cadangan tatacara kerja dan teknik pemuliharaan yang terperinci mestilah disediakan oleh konservator yang dilantik serta mendapat ulasan Jabatan Warisan Negara sebelum sebarang kerja dilaksanakan.

Prinsip kerja dalam pemuliharaan bangunan warisan haruslah dipulihara bermula dari bahagian atas ke bawah yang merangkumi elemen bangunan berikut:

3.1 BUMBUNG

Bumbung dan kemasannya merupakan salah satu karektor bangunan warisan. Skala bumbung, bentuk, kecerunan dan jenis kemasan yang digunakan mempengaruhi gaya seni bina sesebuah bangunan. Kemasan bumbung menyumbang kepada warna, tekstur dan corak. Manakala pengaruh pembinaan dan pertukangan sama ada penduduk tempatan atau pendatang pula menyumbang kepada gaya persembahan bangunan.

Bumbung merupakan komponen bangunan yang paling utama bagi melindungi bangunan daripada hujan, panas dan angin. Pembinaan profil bumbung yang sesuai

akan menjadikan bangunan bukan sahaja tahan lebih lama malahan dapat mengurangkan perbelanjaan penyenggaraan bangunan. Pemilihan profil bumbung bukan sahaja mesti memenuhi keperluan struktur tetapi juga memenuhi aspek lain seperti tanggungan beban, estetika, ketahanan terhadap tekanan iklim, ketahanan bahan dan ketahanan kepada kebakaran.

Struktur bumbung terbahagi kepada dua (2) profil utama iaitu bumbung curam *(pitched roof)* dan bumbung rata (*flat roof*). Bentuk dan struktur bumbung curam dipengaruhi juga oleh gaya seni bina sesebuah bangunan seperti bumbung rumah Melayu Tradisional mempunyai pelbagai bentuk bumbung. Antara contoh profil bumbung ialah bumbung panjang, bumbung perabung lima dan bumbung perak.

Masalah yang sering berlaku pada struktur bumbung merangkumi pereputan kayu akibat kelembapan dan serangan anai-anai. Kecacatan ini boleh dijumpai pada kayu kasau, papan rasuk dan rangka atap atau pada mana-mana bahan kayu yang diletak, dipasang, dibina atau disambung kepada dinding bangunan yang lembap.

Foto 2: Serangan anai-anai pada kerangka bumbung
Sumber: Projek Baikpulih Rumah Penghulu Natar, Merlimau, Melaka, 2009

Prinsip Pemuliharaan

i. Merekod terlebih dahulu kaedah binaan struktur bumbung. Ini termasuk merekod elemen bumbung, jenis kayu, ukuran dan teknik pembinaan.
ii. Sebelum memulakan kerja pemuliharaan, penyiasatan ke atas struktur bumbung perlu dilakukan bagi mengenalpasti tahap kecacatan dan faktor penyebab seperti serangan anai-anai, kelembapan dan pertumbuhan kulat.
iii. Membuat penyiasatan kekuatan struktur kayu sedia ada dan mengenalpasti kayu yang memerlukan pemuliharaan secara in-situ.
iv. Sebelum kerja-kerja baik pulih dijalankan, pemasangan/pembinaan bumbung sementara perlu dilaksanakan bagi tujuan perlindungan ke atas bangunan.
v. Penggantian semula kayu yang telah rosak mestilah daripada jenis dan kekuatan yang sama.
vi. Penggantian dan penyambungan kayu baru hendaklah dengan teknik yang dapat meneguhkan keseluruhan struktur dan diberi label *(tagging)*.
vii. Membuat rawatan perlindungan pada keseluruhan struktur bumbung. Jika struktur kayu, pencegahan anai-anai perlu dilakukan, manakala struktur besi hendaklah dicat dengan jenis cat bersesuaian.

Foto 3: Pembinaan bumbung sementara perlu dibuat terlebih dahulu sebelum kerja pemuliharaan dilakukan
Sumber: Projek Pemuliharaan Masjid Ihsaniah Iskandariah, 2015

Terdapat pelbagai profil bumbung yang sinonim dengan sejarah dan seni bina bangunan. Binaan profil bumbung juga bersepadanan dengan kemasan atau genting yang akan dipasang. Kemasan bumbung terdiri daripada pelbagai jenis. Jenis kemasan bumbung bergantung kepada bentuk, bahan dan saiz. Jenis kemasan yang sama tidak semestinya sama bentuknya kerana produk adalah bergantung juga kepada tempat pengeluaran. Jenis-jenis kemasan bumbung yang biasa terdapat pada bangunan-bangunan warisan di Malaysia kebanyakkannya diperbuat dari tanah liat seperti genting Marseiles untuk bangunan era kolonial, genting bentuk V kebiasaannya digunakan untuk bumbung rumah kedai, genting senggora untuk bumbung rumah Melayu tradisional dan genting konkrit untuk binaan yang lebih moden.

(a) (b) (c)

Foto 4: Jenis-jenis genting.
a) Genting Marseiles, b) Genting bentuk V atau U (c) Genting Senggora,

Kemasan atau genting bumbung merupakan komponen yang paling terdedah, mudah rosak dan memerlukan penyenggaraan serta penggantian. Kecacatan yang biasa dialami ialah genting pecah, retak, berlubang, permukaan kotor, ditumbuhi kulat dan warna genting kusam. Pemuliharaan genting bumbung adalah bertujuan untuk menyelamat dan merawat genting yang asal supaya dapat digunakan kembali.

Tatacara Kerja

i. Membuat penyiasatan dan kenalpasti kemasan bumbung yang asal.

ii. Mengenalpasti jenis bahan, saiz dan ukuran, dan tempat pembuatan.

iii. Memberi rawatan pembaikan atau perlindungan ke atas kemasan bumbung asal dengan kaedah yang tidak merosak, cermat dan bahan rawatan telah terbukti berkesan.

iv. Apabila membuat penggantian semula, seboleh-bolehnya digantikan dengan bahan yang asal *(salvage)* atau dengan bahan baharu yang sepadan dari segi jenis, rupa, warna, saiz dan tekstur.

v. Pemilihan kemasan baru bagi menggantikan bumbung asal yang telah musnah sepenuhnya mestilah sepadan dengan keseluruhan rupa bumbung dan seni bina bangunan. Keputusan penggantian di peringkat ini mestilah berdasarkan penyelidikan sejarah dan bersesuaian dengan pemilihan era atau tahun binaan bangunan.

vi. Pemasangan dan penyusunan semula genting pada rangka bumbung mestilah dilakukan dengan kaedah penyusunan seperti yang asal. Pemasangan perlu dilakukan dengan teliti bagi memastikan kedudukan genting bumbung kemas dan tidak menyebabkan kebocoran.

Foto 5: Membawa turun genting untuk kerja-kerja pencucian
Sumber: Projek Baikpulih Rumah Penghulu Natar, Merlimau, Melaka, 2009

3.2 DINDING

Pemuliharaan bangunan warisan mestilah mengekalkan keaslian seni bina termasuk bahan binaan dan teknik pembinaan. Bangunan lama dan bersejarah di Malaysia dibina dari bahan tradisional iaitu batu bata, tanah liat dan kapur. Bangunan dibina dengan struktur dinding ikatan batu bata, tanah liat dan mortar kapur dapat membentuk dinding yang dapat bernafas (*breathable walls*). Dinding bata bangunan warisan menampilkan nilai estetik yang menarik dengan memberi karektor pada bangunan dari segi tekstur dan warna.

Antara faktor penyebab kecacatan pada dinding bangunan warisan adalah faktor alam sekitar serta usia bangunan. Berada di kawasan beriklim tropika menyebabkan Malaysia menerima curahan air hujan dan kelembapan yang tinggi. Curahan dan rembesan air hujan pada bangunan warisan yang telah berusia mengakibatkan lembapan menyerap dan tersejat terutamanya pada tekstur bahan yang berpori atau berliang. Kesan daripada masalah ini dapat dilihat pada elemen dinding yang berlumut, kusam, cat mengelupas, penggaraman, keretakan dan pelepa peroi atau rapuh.

Selain masalah kelembapan, kecacatan utama pada dinding bata bangunan warisan adalah keretakan sama ada secara menegak atau melintang di dinding. Masalah keretakan dinding mungkin berpunca dari pelbagai faktor seperti pergerakan tanah, kelemahan bahan binaan atau sambungan pembinaan, pengecutan atau perubahan termal pada bahan kayu yang bersambung pada dinding.

Foto 6: Tumbuhan lumut yang tumbuh pada permukaan dinding
Sumber : Projek Pemuliharaan HSBC, Melaka, 2009

Tatacara Kerja

i. Menyiasat keadaan struktur dinding dan kenalpasti kecacatan. Penyiasatan hendaklah dilakukan dengan cermat dan gangguan yang minima.

ii. Bahagian yang telah dikenalpasti melibatkan kerosakan struktur hendaklah diberi peneguhan dengan kaedah yang sesuai bagi mengurangkan gangguan dan kerosakan ke atas struktur dinding.

iii. Rawatan ke atas dinding bata yang mengalami masalah berpunca dari kelembapan seperti permukaan berlumut dan penggaraman hendaklah dilakukan dengan kaedah dan teknik yang terbukti berkesan.

iv. Penggantian semula bata yang rosak dengan bata baru hendaklah sepadan dengan bata yang asal dari segi warna, tekstur, saiz dan kekuatan bahan.

v. Sebaik-baik penggantian bata adalah menggunakan bata lama atau bata asal *(salvage)* yang masih kukuh dari segi kekuatan bahan.

vi. Bahan binaan baharu yang digunakan mestilah boleh dikembalikan semula untuk perawatan dan pemuliharaan pada masa akan datang.

vii. Penyambungan dan pemuliharaan keretakan hendaklah dilakukan dengan kaedah dan teknik yang terbukti berkesan, dan tidak merosakkan fabrik asal.

viii. Pembinaan dinding bata hendaklah mengikut bentuk dan susunan ikatan bata seperti yang asal.



Foto 7: Kerja-kerja penggantian batu bata baru dan memecahkan lepaan yang rosak
Sumber: Projek Pemuliharaan HSBC, Melaka, 2009

Foto 8: Kerja-kerja "Stapling" pada permukaan dinding untuk mengukuhkan struktur
Sumber: Baikpulih Rumah Penghulu Natar, Merlimau, Melaka, 2009

Kegunaan utama mortar ialah untuk mengikat batu-bata atau blok pada dinding. Bangunan warisan banyak menggunakan kapur sebagai bahan untuk mortar dan lepaan *(plaster).* Kapur dihasilkan melalui pembakaran batu kapur atau kulit kerang. Campuran kapur bakar dengan air akan menghasilkan *calcium hydroxide,* juga dikenali sebagai *hydrated lime. Hydrated lime* apabila bercampur air dikenali sebagai *lime putty.* Mortar kapur adalah campuran *lime putty* dan pasir. Nisbah campuran kapur dan pasir adalah 1:3 atau dengan komposisi lain yang bersesuaian. Penyediaan bahan mortar kapur di tapak hendaklah dibuat dan digunakan dalam tempoh empat (4) jam bagi memastikan kualiti fungsi mortar diperolehi.

Pemuliharaan bahan mortar dan lepaan mestilah mengekalkan kandungan dan komposisi bahan yang asal. Prinsip pemuliharaan mortar adalah seperti berikut:

Tatacara Kerja

i. Kenalpasti mortar sedia ada bagi memastikan sama ada ianya yang asal dan bukan yang baharu.

ii. Kenalpasti komposisi mortar yang asal melalui ujian analisis makmal.

iii. Apabila menggunakan mortar untuk kerja-kerja pemuliharaan ia mestilah sepadan dengan mortar yang asal dari segi warna, tekstur, kekuatan dan kepadatan.

iv. Ujikaji bahan ditapak atau *'mock up test'* perlu dibuat terlebih dahulu bagi menentukan mortar yang sepadan dengan yang asal. Pemilihan berdasarkan kesepadanan tekstur, warna dan yang paling penting adalah kekuatan mampatan *'compression strength'* bahan.

v. Sebelum ikatan mortar dimasukkan, semua mortar sedia ada yang telah longgar atau peroi dan rosak hendaklah dikeluarkan. Kerja-kerja mengeluarkan mortar yang rosak mestilah dilakukan dengan cermat menggunakan alat yang tidak merosakkan.

vi. Mortar yang rosak hendaklah dikeluarkan pada kedalaman sekurang-kurangnya ¾ inci bagi membolehkan mortar baharu boleh masuk dan berupaya diikat dengan sempurna pada dinding bata.

vii. Sebelum memasukkan mortar baharu, bahagian yang telah dikeluarkan mortar lama mesti dibersihkan terlebih dahulu dan dibasahkan dengan air bagi memastikan bata lembap. Jika dinding bata terlalu kering, ia akan menyerap air daripada mortar baharu dan mengurangkan kekuatan mortar seterusnya melemahkan ikatan pada bata.



Foto 9: Membuat ujian lepaan ke atas beberapa sampel mortar menggunakan Hammer Rebound
Sumber: Projek Pemuliharaan Masjid Kakap,Kedah, 2015

Nota Tambahan:

Bagi bangunan yang dibina menggunakan lepaan kapur, penggunaan simen *Portland* adalah tidak dibenarkan sama sekali dalam kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan kerana ia adalah bertentangan dengan prinsip pemuliharaan. Antara kelemahan simen *Portland* adalah seperti berikut:-

i. Ia bahan yang tidak boleh dikembalikan. Apabila digunakan pada bangunan warisan ia berupaya merosakkan fabrik asal bangunan.

ii. Ia terlalu kuat dari segi kemampatan, perekatan dan tekanan. Oleh itu ia tidak sesuai dengan fabrik bangunan warisan yang lemah.

iii. Disebabkan kekuatannya yang tinggi, ia kurang keanjalan *(elasticity)* berbanding mortar kapur dan ini memberi tekanan serta mempercepatkan lagi kerosakan dinding.

iv. Ia tidak telap dan mempunyai kadar keporosan yang rendah, oleh itu ia memerangkap wap serta air dan memperlahankan proses pemejatan, seterusnya kelembapan dalaman akan berlaku.

v. Ia menyebabkan pengecutan pada permukaan serta mengakibatkan keretakan dan memudahkan air untuk memasukinya. Memandangkan ia tidak telap air, ini membuatkan air sukar untuk keluar dan mengakibatkan kerosakan yang berpunca dari kelembapan.

vi. Ia menghasilkan garam terlarut *(soluble salt)* pada permukaan dinding yang mungkin merosakkan liang-liang permukaan serta dekorasi atau ukiran yang terdapat pada permukaan dinding.

vii. Ia menyebabkan air tersejat dan meningkatkan resapan garam atau kapur yang terkumpul seterusnya menjadi keladak pada permukaan bangunan. Keladak ini bertindak balas dengan persekitaran dan membentuk kristal kalsium karbonat atau dikenali sebagai keladak batu kapur. Lapisan keladak batu kapur adalah bersifat alkali yang tinggi dan boleh menyebabkan pereputan pada bahan binaan bangunan.



Foto 10: Kesan penggaraman pada permukaan diinding
Sumber: Projek Konservasi Fasad Bangunan Sultan Abdul Samad, 2009

3.3 SILING

Pembinaan siling dibuat di bawah bumbung untuk melindungi struktur kayu bumbung dari pandangan visual selain kemasan bahagian lelangit dalam bangunan. Siling kebiasaannya direkabentuk mengikut jenis bangunan. Siling bangunan warisan kebiasaanya adalah jenis siling tetap dan siling 'soffit' di mana lantai tingkat atas adalah siling untuk tingkat bawah. Terdapat bangunan warisan menggunakan kaedah siling gantung bagi tujuan melindungi sistem pendawaian eletrik baharu.

Kerosakan pada siling umumnya berpunca daripada masalah kelembapan yang datang daripada masalah bumbung seperti kebocoran. Lain-lain kerosakan yang berlaku adalah seperti papan siling lembab dan ditumbuhi kulat, papan siling pecah dan cat mengelupas.

Tatacara Kerja

i. Membuat penyiasatan punca kecacatan siling.
ii. Membuat peneguhan sementara kepada kayu struktur siling sebelum memulakan kerja baik pulih.
iii. Menggantikan papan siling yang rosak dan hilang dengan bahan yang sepadan.

3.4 LANTAI

Struktur Lantai

Lazimnya struktur lantai bangunan warisan adalah dari bahan kayu. Rasuk dan gelegar lantai merupakan komponen penting untuk menanggung papan lantai.

Kecacatan yang biasa ditemui adalah kayu patah, reput, permukaan haus atau terhakis, bercalar dan papan meleding. Punca utama kepada masalah pereputan dan kerosakan bahan kayu pada bangunan warisan adalah serangan serangga dan anai-anai. Serangan serangga dan anai-anai pada bahan kayu biasanya berlaku pada bahan kayu yang lembap. Punca kepada kerosakan permukaan lantai adalah disebabkan geseran atau seretan pergerakan diatasnya sama ada oleh manusia atau pun beban perabut.



Foto 11: Kerosakan kayu akibat dimakan anai-anai dan mereput
Sumber: Projek Kerja-Kerja Konservasi Pejabat Pos Lama, Ipoh, Perak, 2009

Tatacara Kerja

i. Sebelum kerja pemuliharaan dilakukan, penyiasatan perlu dilakukan bagi mengenalpasti kecacatan dan serangan anai-anai pada gelegar dan papan lantai.
ii. Kayu lantai asal yang masih baik hendaklah dikekalkan.
iii. Mengenalpasti jenis kayu yang digunakan. Kebiasaannya kayu gelegar adalah dari spesis keras seperti balau dan cengal manakala untuk lantai adalah dari spesis meranti.
iv. Kekuatan kayu gelegar sedia ada menanggung beban perlu dikenalpasti.

v. Penggantian kayu gelegar dan papan lantai yang rosak mestilah menggunakan kayu yang sepadan dengan jenis dan kekuatan kayu yang sama. Kayu gantian (kayu baharu) hendaklah dirawat terlebih dahulu.

vi. Bagi kayu yang rosak sebahagian, bahagian yang rosak hendaklah dibuang atau dipotong dan disambung dengan kayu baharu yang sama dari jenis, kekuatan dan saiz.Teknik penyambungan mestilah bersesuaian dengan saiz, keadaan dan kaedah.

vii. Sebarang kerja baik pulih mestilah dengan kaedah dan teknik binaan tradisional. Jika sukar untuk membaik pulih, kaedah baru dengan kerosakan minima adalah dibenarkan.

viii. Membuat rawatan pencegahan anai-anai pada struktur lantai.

ix. Memberi lapisan pelindung (coating) yang bersesuaian pada permukaan lantai.

x. Memberi perlindungan sementara dengan menutup permukaan lantai sepanjang kerja-kerja pemuliharaan berjalan.

Foto 12: Kecacatan utama pada lantai adalah pereputan kayu akibat serangan anai-anai. Gambar kiri dan kanan; kerja-kerja mengeluarkan papan lantai dan gelegar lantai yang rosak Sumber: Projek Pemuliharaan Muzium Perak, Taiping, 2008

Kemasan Lantai

Kemasan lantai bangunan warisan umumnya menggunakan kemasan dari jenis tanah liat, terazo, marmar dan jubin seramik. Kemasan jenis tanah liat atau dikenali dengan 'terra cotta' menonjolkan tekstur dan warna tanah liat yang kemerahan, kemasan marmar juga mengikut warna asal marmar iaitu putih gading. Kemasan jubin seramik pula mempunyai corak yang pelbagai, kebiasaannya bercorak flora atau geometri.

Kecacatan yang biasa dialami pada kemasan lantai adalah permukaan terhakis dan warna luntur dan kusam akibat hakisan dari seretan beban, kemasan pecah, retak atau tercabut akibat usia bangunan yang lama dan bahan perekat telah peroi; permukaan kemasan dilekati kotoran dan lumut serta terdapat keladak kapur. Masalah ini berpunca daripada kelembapan dan kurang penyenggaraan.



Foto 13: Kerja-kerja pemuliharaan jubin lantai yang rosak
Sumber: Projek Pemuliharaan Rumah Penghulu Natar, 2009

Tatacara Kerja

i. Jubin lantai asal hendaklah dikekalkan semaksima yang mungkin.

ii. Penambahan atau penggantian kepingan lantai baharu hendaklah sepadan dengan lantai asal.

iii. Kerja-kerja pembersihan dan melicinkan kemasan lantai hendaklah menggunakan kaedah dan bahan rawatan yang tidak merosakkan lantai asal.

iv. Memberi perlindungan sementara dengan menutup permukaan lantai sepanjang kerja-kerja pemuliharaan berjalan.

3.5 PINTU DAN TINGKAP

Pintu, tingkap dan bukaan seperti gerbang, sisip dan kekisi angin merupakan elemen bangunan yang dapat menonjolkan keunikan seni bina sesebuah bangunan warisan. Elemen-elemen pintu, tingkap dan bukaan pada sesebuah bangunan warisan mempunyai kepelbagaian bentuk dan gaya termasuk perincian bersesuaian dengan fungsi dan lokasi pemasangan. Elemen yang membentuk pintu dan tingkap ialah kerangka dan daun. Pintu dan tingkap kebiasaannya diperbuat daripada bahan kayu. Lain-lain bahan ialah logam, plastik dan aluminium.



Foto 14: Tingkap Masjid Lama Kampung Kuala Dal, Kuala Kangsar, Perak.
Tingkap ini menampilkan keunikan kerawang pada bahagian atas tingkap
Sumber: Projek Pemuliharaan Masjid Kampung Kuala Dal, Perak,2015

Kecacatan yang biasa dialami pada pintu dan tingkap ialah kerangka reput dan patah akibat keusangan kayu, kelembapan atau kemungkinan serangan anai-anai. Daun pintu atau tingkap juga sering mengalami masalah tidak boleh dirapat (tutup). Masalah ini disebabkan pengecutan dan perubahan terma pada bahagian daun pintu, pengembangan pada sambungan kayu dan kemalangan yang menyebabkan kesan kerosakan pada kayu.



Foto 15: Kecacatan pada tingkap akibat serangan anai-anai dan papan meleding
Sumber: Projek Pemuliharaan Sanitary Board, Perak, 2008

Tatacara Kerja

Prinsip pemuliharaan pintu dan tingkap adalah untuk mengembalikan semula pintu dan tingkap kepada bentuk dan binaannya seperti yang asal.

i. Kerja-kerja pemuliharaan pintu dan tingkap dimulakan dengan membuat inventori dan melabel pintu dan tingkap yang rosak ke dalam pelan. Ini termasuk menandakan pintu dan tingkap yang akan dikeluarkan untuk kerja baik pulih.

ii. Pintu dan tingkap yang rosak seperti kerangka reput dan patah dikeluarkan dan dibawa ke bengkel kayu untuk kerja-kerja baikpulih.

iii. Penggantian kayu yang reput menggunakan kaedah potong dan sambung secara bertanggam. Kayu baharu yang digunakan untuk mengganti kayu lama adalah dari jenis dan kekuatan yang sama.

iv. Tampal semua lubang halus, rekahan dan permukaan tidak rata yang terdapat pada permukaan kerangka dan daun pintu serta tingkap bangunan dengan bahan *'putty'* yang bersesuaian.

v. Mengganti semua aksesori pintu seperti engsel, selak, tombol dan kunci pintu serta tingkap bangunan yang telah rosak dengan bahan baharu yang bersesuaian. Aksesori yang diganti sebaik-baiknya sepadan dengan jenis, bahan dan reka bentuk yang asal.

vi. Memasang semula kerangka dan daun pintu serta tingkap bangunan yang telah ditanggalkan dan dipulihara kembali pada kedudukan asalnya.

vii. Memberi perlindungan kepada pintu dan tingkap yang telah dipulihara dengan membalut pintu dan tingkap dengan plastik. Ini bagi mengelakkan kerosakan baharu pada kayu.

3.6 SALURAN PAIP AIR HUJAN DAN TALANG

Saluran paip air hujan dan talang merupakan sebahagian komponen bangunan yang mempunyai fungsi yang penting. Talang mengumpul air yang mengalir dari bumbung dan menyalurkannya melalui saluran paip air hujan. Saluran paip ini kebiasaanya dipasang menegak *(vertical)*, membawa air ke sistem perparitan aras tanah.

Masalah biasa yang berlaku pada komponen saliran air hujan antaranya ialah talang berkarat dan reput, bersaiz kecil menyebabkan limpahan semasa hujan lebat, talang tersumbat dengan kotoran, saluran paip air hujan pecah atau bocor, bengkok dan menyebabkan penyaliran air hujan tidak sempurna. Kecacatan dan kerosakan pada saluran paip air hujan dan talang menyumbang masalah kepada komponen bangunan yang lain seperti dinding dan lantai lembap dan berlumut.



Foto 16: Saluran paip air tidak sempurna, corong air di atas lantai menyebabkan air tidak dapat disalurkan dengan baik.

Tatacara Kerja

i. Mendokumenkan terlebih dahulu saluran paip sedia ada dengan merekod saiz, jenis bahan dan sistem saliran.

ii. Sekiranya sistem saluran masih ada, dan boleh digunakan, pelihara dan senggara talang dan saluran paip yang sedia ada secara in-situ.

iii. Sekiranya telah rosak, dan tidak bersesuaian dengan penggunaan semasa penggantian talang dan saluran paip mestilah dengan ukuran yang tepat dan menggunakan fabrik yang sesuai.

iv. Penggantian talang dan saluran paip juga boleh mempertimbangkan aliran dan isipadu air. Talang bersaiz kecil boleh diganti dengan saiz yang lebih sesuai, manakala talang yang tidak sempurna pemasangan di keseluruhan cucur bumbung boleh dilengkapkan tanpa menjejaskan estetik bangunan warisan.

3.7 RAGAM HIAS

Ragam hias merupakan dekorasi tambahan bagi menghiasi permukaan fasad bangunan. Ia boleh dibahagikan kepada tiga komponen iaitu mural, ukiran dan corak lepaan atau 'plasterworks'. Ragam hias berfungsi bagi menampilkan gaya dan nilai estetika sesebuah bangunan warisan. Ragam hias bukan sahaja terdapat pada fasad atau permukaan dinding malahan pada tiang, pintu, tingkap dan siling bangunan.

Ragam hias bangunan-bangunan warisan khususnya bangunan kolonial dan rumah kedai lama lebih banyak menampilkan ragam hias corak lepaan kapur yang mempunyai motif atau corak mengikut pengaruh seni bina bangunan.

Foto 17: Lepaan bercorak atau plasterworks pada permukaan dinding Rumah Kedai Kampung Cina, Melaka

Sumber: Bahagian Konservasi, 2012



Foto 18: Deretan Rumah kedai di Kampung Cina, Melaka mempunyai elemen ragam hias yang unik pada fasad bangunan.

Sumber: Bahagian Konservasi, 2012

Kecacatan yang biasa dialami pada ragam hias khususnya pada corak lepaan *(plasterworks)* adalah lepaan pecah, rekahan halus, kekotoran dan ditumbuhi tumbuhan organik seperti kulat dan lumut. Kecacatan ini berpunca daripada faktor keusangan, kelembapan dan pencemaran alam sekitar. Selain daripada faktor persekitaran, kerosakan pada corak lepaan adalah disebabkan kerja-kerja baikpulih yang tidak sempurna seperti penggunaan bahan yang tidak sepadan dengan bahan asal.

Tatacara Kerja

i. Ragam hias yang asal hendaklah dikekalkan.

ii. Rupa bentuk dan motif ragam hias mestilah direkodkan dengan mengambil foto dan mencerap ukiran dan corak lepaan. Ini bertujuan untuk membuat replika rupa atau corak lepaan *(plasterworks)* yang asal.

iii. Sebelum memulakan kerja pemuliharaan, pemeriksaan yang teliti perlu dilakukan ke atas plasterworks untuk mengenalpasti kecacatan dan kerosakan lepaan.

iv. Kerja-kerja pencucian dan pembersihan ukiran lepaan mestilah dilakukan dengan hati-hati dengan menggunakan berus, pengikis dan semburan air secara manual *(hands spray)*. Semburan air *(water-jetting)* bertekanan tinggi tidak dibenarkan kerana ia akan merosakkan corak lepaan.

v. Pencucian menggunakan bahan kimia bagi membuang tumbuhan atau kotoran degil hendaklah dengan kadar minima yang tidak merosakkan fabrik lepaan. Bahan pencuci mestilah dari jenis kurang berbuih dan berasid.

vi. Kerja-kerja baik pulih lepaan untuk ragam hias mestilah dilakukan dengan cermat, sebaik-baiknya dilakukan oleh tukang yang mahir dengan kerja lepaan atau ukiran.

vii. Bahan untuk baik pulih lepaan yang rosak atau membuat semula corak lepaan baru mestilah menggunakan bahan yang sama seperti dengan yang asal.

Ukiran Kayu

Ukiran kayu merupakan salah satu keunikan ragam hias yang terdapat pada rumah Melayu tradisional. Ukiran kayu juga terdapat pada masjid dan istana. Umumnya kerosakan yang dialami dari bahan kayu adalah pereputan, lenturan dan patah akibat keusangan, kesan suhu persekitaran, pengaratan paku dan kelembapan.

Ukiran kayu mestilah dipelihara dan dikekalkan kerana ia mempunyai nilai seni dan budaya.

Tatacara Kerja

i. Motif dan corak ukiran mestilah direkodkan dengan mengambil foto dan mencerap ukiran. Ini bertujuan untuk membuat replika corak ukiran yang asal.

ii. Sebelum memulakan kerja pemuliharaan, pemeriksaan yang teliti perlu dilakukan keatas kayu untuk mengenalpasti kecacatan dan kerosakan.

iii. Membuat penyelidikan jenis spesis kayu ukiran.

iv. Kerja-kerja pencucian dan pembersihan ukiran yang bercat mestilah dilakukan dengan hati-hati menggunakan berus, pengikis dan kertas pasir secara manual.

v. Kaedah pembersihan permukaan yang telah dikikis mestilah kaedah kering.Tidak dibenarkan menggunakan air.

vi. Kerja-kerja baik pulih ukiran mestilah dilakukan dengan cermat, sebaik-baiknya dilakukan oleh tukang yang mahir dengan kerja mengukir.

vii. Kerja mengukir semula ukiran kayu pada panel kayu baharu mestilah menggunakan kayu dari spesis dan gred yang sama seperti kayu asal.

Foto 19: Mengukir kerawang tingkap.
Sumber: Projek Pemuliharaan Masjid Lama Kampung Kuala Dal, Perak, 2009

3.8 CAT

Cat memberi perlindungan kepada bahan seperti kayu dan dinding. Cat terbahagi kepada tiga komponen iaitu sebagai pengikat (*binder*), pencair dan pigmen. Sebagai bahan pengikat ia amatlah penting kerana dapat menentukan tempoh hayat cat. Oleh itu cat yang bersesuaian dan berkualiti hendaklah digunakan pada bangunan warisan.

Prinsip pemuliharaan bangunan warisan adalah memelihara bangunan sebagaimana bentuk yang asal. Ini termasuklah warna bangunan. Bagi mengenalpasti warna asal bangunan kaedah yang dilaksanakan adalah dengan mengikis lapisan cat.



Foto 20: Kerja-kerja mengecat kelarai dinding
Sumber: Projek Pemuliharaan Masjid Ihsaniah Iskandariah, 2015

Tatacara Kerja

i. Kaedah mengikis cat hendaklah dilakukan dengan cermat tanpa merosakkan fabrik bangunan warisan.

ii. Sebelum membuat kerja-kerja mengikis keseluruhan dinding, kajian lapisan cat perlu dijalankan terlebih dahulu bagi mendapatkan warna asal bangunan. Kajian ini hendaklah dilakukan di beberapa lokasi bagi mendapatkan sampel warna cat asal.

iii. Kaedah mengikis cat bergantung kepada ketebalan cat pada permukaan dan jenis permukaan. Kaedah yang disyorkan ialah kaedah stim atau wap, teknik membakar, menggunakan peluntur cat dan kaedah manual dengan mengikis permukaan.

iv. Kaedah mengikis cat juga mestilah dilakukan dengan berhati-hati tanpa menjejaskan fabrik permukaan kayu atau dinding asal.

3.9 TANGGA

Tangga merupakan salah satu elemen bangunan yang menyambungkan aras atau lantai bangunan. Terdapat dua jenis tangga iaitu tangga larian terus dan tangga belok. Bahan untuk membina tangga adalah daripada kayu dan bata. Binaan tangga di bangunan-bangunan warisan kebiasaannya adalah tangga kayu dan ia menampilkan salah satu keunikan kaedah binaan. Butiran seperti tiang, susur tangga, anak tangga, paha tangga, gelegar dan rasuk dibina dengan kaedah bertanggam.

Memandangkan tangga merupakan struktur penting bagi tujuan menghubungkan antara lantai bangunan, jenis kayu yang digunakan adalah jenis keras dan mempunyai gred yang tinggi seperti kayu balau dan kempas. Ini merupakan salah satu faktor yang memberi ketahanan kepada bahan dan struktur tangga. Tangga kayu kebiasaanya dicat bagi tujuan estetik dan bagi memberi perlindungan pada kayu namun dalam konteks pemuliharaan, prinsip pengembalian semula dikehendaki. Oleh itu cat pada permukaan hendaklah dikikis.



Foto 21: Tangga batu Rumah Penghulu Natar, Melaka. Tangga rumah ibu ini mempunyai binaan yang menarik dengan kemasan jubin bercorak. Sumber: Projek Pemuliharaan Rumah Penghulu Natar, 2009

Tatacara Kerja

i. Mengekalkan struktur tangga asal sebagaimana bentuk dan rupa.

ii. Menyiasat jenis kerosakan yang terdapat pada struktur tangga.

iii. Mengeluarkan sebarang lapisan baru pada permukaan kayu dengan cermat dan berhati-hati menggunakan kaedah yang tidak merosakkan.

iv. Mengenalpasti spesis dan kekuatan kayu tangga.

v. Penggantian mana-mana elemen tangga mestilah dari kayu yang sama seperti yang asal dengan kaedah pemasangan atau binaan seperti asal atau jika sukar kaedah baharu mestilah dapat memberi peneguhan.

vi. Memberi perlindungan pada keseluruhan tangga sepanjang kerja-kerja pemuliharaan.



Foto 22: Tangga kayu di bangunan warisan mempunyai keunikan binaan dan kebiasaannya dari jenis kayu keras
Sumber: Projek Pemuliharaan Sanitary Board, Perak, 2008

3.10 SISTEM PERKHIDMATAN BANGUNAN

3.10.1 Pendawaian Elektrik

Sebelum kerja-kerja pendawaian dibuat, pendawai atau kontraktor hendaklah merancang dan mengenalpasti kerja-kerja yang hendak dilakukan supaya hasil kerja kemas, teratur dan selamat untuk digunakan serta hendaklah meminimakan kerosakan pada bangunan warisan.

Tatacara Kerja

Perkara yang perlu dipertimbangkan ketika penanggalan dan pemasangan sistem pendawaian elektrik:

i. Elakkan daripada menjejas dan merosakkan dinding bangunan.

ii. Penanggalan dan pemasangan sistem pendawaian yang lama dan baru perlu dilakukan secara berhati-hati supaya permukaan fasad bangunan tidak terjejas atau mengalami kerosakan.

iii. Pendawaian elektrik disyorkan dengan dipasang secara permukaan (*conduit*) dan disembunyikan dalam salur atau trunking mengikut kesesuaian bangunan.

iv. Merekod keadaan bangunan sebelum, semasa dan selepas pemasangan sistem elektrik.

v. Menyediakan senarai semak, pemeriksaan dan penyenggaraan sistem pendawaian elektrik.

iv. Pemasangan komponen pendawaian baru perlulah diletakkan di lokasi yang tersembunyi namun mudah dikesan bagi tujuan penyenggaraan.

v. Pengujian keselamatan elektrik mesti dilakukan dan disahkan oleh pegawai yang berkelayakan.

3.10.2 Sistem Penghawa Dingin

Sistem penghawa dingin di bangunan-bangunan warisan banyak menggunakan sistem penghawa dingin lama. Sistem ini sering dipasang pada dinding, siling dan lantai bangunan. Sistem ini dipengaruhi oleh penggunaan unsur air dan udara sebagai pengalir haba. Udara dingin dan kering yang dihasilkan oleh sistem penghawa dingin boleh menyebabkan penyusutan kualiti dan ketahanan bahan binaan bangunan. Salah satu kemungkinan ialah akan berlaku kondensasi pada permukaan atau dalam struktur, yang akhirnya membolehkan pertumbuhan kulat.

Tatacara Kerja

Pemasangan sistem penghawa dingin perlu dikaji daripada aspek kedudukan dan bagaimana sistem pembuangan air dan pengudaraan agar tidak memberi kesan kepada bangunan.

i. Pemasangan kemudahan sistem penghawa dingin perlu sensitif dan tidak mencacatkan seni bina bangunan kerana peralatan penghawa dingin bukan elemen asal bangunan warisan. Oleh itu unit penghawa dingin perlu dilindungi dari pandangan umum.

ii. Penggunaan jenis-jenis pelindung *(screening)* dibenarkan yang boleh memenuhi keperluan adalah seperti jejala *(trellises)*, sirip *(louvres)* dan panel berongga *(perforated panels)* atau lain-lain alternatif reka bentuk yang dapat memenuhi fungsi penutup visual dan tidak mengurangkan karektor seni bina bangunan warisan.

iii. Pemasangan peralatan penghawa dingin, pendawaian serta alat perlindungan mestilah tidak menjejaskan struktur asli bangunan warisan seperti dinding, tiang, lantai, bumbung atau merosak dan memindahkan elemen bangunan seperti ukiran, kerja lepaan (plasterworks), pintu dan tingkap asal serta tidak terlalu menonjol pada pandangan umum.

iv. Unit penghawa dingin (*indoor unit*) sama ada jenis almari berdiri atas lantai atau digantung pada siling adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun pemasangan tidak digalakkan pada siling asal sebaliknya pemasangan hanya pada siling baru sahaja pada bangunan warisan. Unit penghawa dingin ini sebaik-baiknya disembunyikan dari pandangan umum dan tidak ketara.

v. Reka bentuk pelindung perlu sesuai dan harmoni dengan ciri-ciri reka bentuk dalaman.

vi. Unit hawa dingin jenis tingkap tidak digalakkan kerana ia akan merosakkan reka bentuk tingkap bangunan warisan.

3.10.3 Pencahayaan

Kaedah pencahayaan haruslah dilakukan dengan teliti dan tidak memberikan impak negatif kepada struktur warisan. Pemilihan kaedah pencahayaan mestilah mengambilkira faktor warna dan kadar tindakbalas yang ingin diperolehi terhadap permukaan bangunan warisan. Tujuan pencahayaan juga perlu diambilkira bagi mencapai objektif pencahayaan yang diharapkan.

Penggunaan kaedah pencahayaan mestilah tidak terlalu ketara dan mengganggu fasad bangunan, mudah dipasang dan diselenggara dan pada masa yang sama mesti menghormati fabrik bangunan warisan.

Sumber pencahayaan mestilah berupaya menonjolkan penampilan bangunan melalui penggunaan lampu putih LED (warm white LED) (kurang dari 3000 K) yang disyorkan dan bersesuaian dengan keperluan pencahayaan bangunan warisan.

Pencahayaan LED (melebihi 3000 K) mengeluarkan 470 nm yang berupaya memberi kesan yang tidak baik kepada kesihatan dan persekitaran yang mana ini perlulah dielakkan.

Penggunaan lampu limpah mesti mengambil kira faktor lokasi perletakan agar tidak merosakkan bangunan warisan serta mengganggu pandangan dan laluan penghuni mahupun pengunjung bangunan.

3.10.4 Papan tanda

Perletakan papan tanda pada bangunan warisan haruslah menghormati nilai warisan bangunan terbabit. Perletakan mestilah pada permukaan bangunan yang dikhususkan dan sesuai dengan tujuan perletakan contohnya di bahagian hadapan fasad bangunan, kebiasaannya di bahagian atas bukaan dan lebih rendah dari ‘cornice’ bangunan.

Rekabentuk papan tanda yang ringkas adalah digalakkan kerana ia lebih berkesan dan pada masa yang sama menghormati nilai warisan sesebuah bangunan. Saiz papan tanda mestilah tidak terlalu besar dan tidak menutup elemen penting pada fasad bangunan. Bahan yang digunakan untuk papan tanda mestilah menggunakan bahan yang berkualiti tinggi dan bersesuaian dengan bangunan warisan. Penggunaan papan tanda dari bahan plastik atau neon mestilah dielakkan kerana ia terlalu moden dan tidak bersesuaian dengan elemen dan nilai sesebuah bangunan warisan.

Papan tanda mestilah menghormati rekabentuk keseluruhan dan integriti fizikal bangunan, landskap jalan dan kawasan persekitarannya. Papan tanda yang digunakan mestilah tidak menghalang elemen warisan pada fasad bangunan. Rekabentuk papan tanda yang digunakan mestilah bersesuaian dengan nilai dan karektor bangunan warisan terbabit.

Papan tanda mestilah tidak memberikan sebarang impak negatif sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada bangunan, ini termasuklah kerosakan dan pengaratan. Untuk bangunan bata dan lepaan, teknik pemasangan pengikat atau pemegang anti-karat perlu digunakan dan pemasangan dilakukan pada bahagian lepaan. Sebarang pengikat atau pemegang tidak dibenarkan dibuat ke atas permukaan unit bata kerana ini akan merosakkan unit bata tersebut.

Kaedah pemasangan pengikat atau pemegang mestilah mendapat kebenaran daripada Jabatan Warisan Negara.

3.10.5 Keselamatan Kebakaran

Bagi kerja-kerja menaik taraf dan mengubah suai keselamatan kebakaran sesebuah bangunan warisan ia perlu dilakukan dengan teliti untuk menjamin keberkesanannya. Berikut adalah antara beberapa langkah yang perlu dilakukan dalam memastikan bangunan warisan supaya dapat mematuhi keperluan peraturan keselamatan kebakaran yang munasabah:

Langkah 1: Memahami kepentingan bangunan warisan

Langkah yang perlu diambil sebelum kerja-kerja meningkatkan tahap keselamatan kebakaran untuk sesebuah bangunan warisan adalah dengan memahami kepentingan sejarah bangunan terbabit dan latar belakangnya. Ini adalah kerana kebanyakan bangunan warisan kebiasaannya telah melalui beberapa proses pengubahsuaian sama ada dalaman mahupun luaran. Dengan demikian kita dapat mengenal pasti tindakan pengubahsuaian yang boleh dan tidak boleh dilakukan ke atas bangunan terbabit dengan mengambil kira kesan tindakan tersebut terhadap kepentingan sejarahnya.

Langkah 2: Menjalankan audit keselamatan kebakaran sedia ada

Audit keselamatan kebakaran yang lengkap mesti dilakukan terhadap bangunan warisan oleh mereka yang berkelayakan atau bertauliah. Ini adalah untuk mengenal pasti tahap risiko kebakaran dan peralatan pencegahan kebakaran sedia ada bangunan terbabit. Sekiranya bangunan tersebut ada mempunyai kelengkapan keselamatan kebakaran, proses ini dapat menilai sama ada ia masih berfungsi dengan baik atau tidak.

Langkah 3: Mengenal pasti kehendak keselamatan kebakaran

Kehendak-kehendak keselamatan kebakaran mestilah berdasarkan kepada penggunaan sesebuah bangunan itu. Secara umumnya, terdapat dua jenis sistem pencegahan kebakaran untuk bangunan iaitu sistem pencegahan pasif dan sistem pencegahan aktif.

Kebiasaannya gabungan kedua-dua sistem tersebut boleh memberikan perlindungan yang optima. Pelbagai kaedah terkini berada di pasaran oleh itu pandangan pihak perunding dan mereka yang berkelayakan perlu diperolehi untuk mengenal pasti kaedah yang bersesuaian dengan keperluan dan kepentingan bangunan terbabit. Perlu diingat bahawa setiap pemasangan peralatan keselamatan kebakaran itu perlu mengambil kira kesannya terhadap keaslian dan fabrik bangunan warisan itu. Kaedah pemasangan sistem keselamatan kebakaran untuk bangunan warisan disarankan mengikut prinsip-prinsip berikut:

i. **Perubahan Minima:** Sebarang perubahan ke atas bangunan warisan mesti hanya menyebabkan kesan yang minima terhadap bangunan dan fabriknya.

ii. **Tidak kekal:** Sebarang perubahan ke atas bangunan warisan seboleh-bolehnya di pasang secara boleh ubah, dengan kata lain menggunakan pendekatan tidak kekal.

iii. **Bersesuaian:** Kaedah pencegahan kebakaran yang ingin digunakan mesti bersesuaian dengan tahap risiko, jenis kemasan, kegunaan, isi bangunan dan saiz ruang.

Langkah 4: Penilaian cadangan pilihan

Apabila kehendak keselamatan kebakaran telah dikenal pasti, beberapa pilihan kaedah keselamatan kebakaran yang bersesuaian dengan bangunan itu boleh dicadangkan. Sebelum sebarang pemilihan dibuat setiap pilihan tersebut perlu dikenal pasti kebaikan dan keburukannya dan yang paling penting pilihan yang mana dapat memberikan kesan yang paling sedikit terhadap fabrik bangunan terbabit tetapi boleh memberikan pelindungan yang optima. Sebagai contoh bangunan warisan yang digunakan sebagai muzium, sistem penyembur air automatik adalah sistem yang dianggap baik untuk mengawal kebakaran tetapi air boleh mendatang kerosakan ke atas artifak-artifak bersejarah seperti manuskrip, pakaian lama, perabut antik dan sebagainya.

Antara faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan di dalam mengenal pasti keperluan keselamatan kebakaran yang dikehendaki untuk bangunan warisan adalah:

i. Usia bangunan dan jenis pembinaannya, keunikannya dan kesan kehilangannya kepada negara jika musnah atau rosak akibat kebakaran.
ii. Lokasi bangunan.
iii. Kategori penghuni atau pengguna bangunan.
iv. Jenis dan nilai isi bangunan.
v. Saiz dan ketinggian bangunan.
vi. Tahap pencegahan dan keselamatan kebakaran sedia ada di bangunan.

Foto 23: Pemasangan Sistem Pencegahan Kebakaran Serbuk Kering
Sumber: Bahagian Konservasi , 2015

Nota Tambahan : Aspek keselamatan kebakaran perlulah mendapat khidmat nasihat dan kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

BAHAGIAN EMPAT



BAHAGIAN EMPAT

4.0 PENDOKUMENTASIAN

Dokumentasi merupakan proses penting dalam pemuliharaan bangunan warisan. Kepentingan dokumentasi telah dinyatakan dalam banyak dokumen berkaitan pemuliharaan tapak warisan seperti Venice Charter (1964) yang telah menyatakan di dalam artikel 16 *"..in all works of preservation, restoration or excavation, there should always be precise documentation in the form of analytical and critical report, illustrated with drawings and photograph..".* Ini kerana kejayaan sesuatu projek pemuliharaan adalah bergantung kepada ketepatan keputusan yang telah dibuat dengan merujuk kepada maklumat-maklumat tertentu. Sementara itu maklumat-maklumat yang diperlukan dalam membuat keputusan ini pula pada dasarnya diperolehi melalui kaedah-kaedah dokumentasi atau teknik merekod tertentu.

Pada asasnya penentuan kaedah dan teknik pendokumentasian bagi sesuatu projek pemuliharaan adalah bergantung kepada sifat dan ciri-ciri bangunan atau tapak yang hendak didokumentasikan. Selain itu beberapa aspek lain juga perlu diambil kira seperti tujuan dokumentasi, kesediaan teknologi dan tenaga mahir, peruntukan kewangan, konteks budaya dan sumber-sumber maklumat sedia ada. Selain itu proses dokumentasi juga seboleh-bolehnya dilaksanakan menggunakan teknik *non-destructive* bagi memastikan struktur atau fabrik subjek yang didokumentasi tidak rosak atau terganggu. Walaubagaimanapun, sekiranya pihak perunding *(konservator)* yang dilantik merasakan terdapat keperluan bagi melakukan ujian bersifat '*destructive*', maka ianya perlu dimaklumkan kepada Pesuruhjaya Warisan secara bertulis dengan menyatakan justifikasi terhadap keperluan terbabit.

Dalam menjalankan proses dokumentasi ini, terdapat 4 prinsip asas pendokumentasian yang perlu diberi perhatian iaitu;

1. **Prinsip 1 – Mempamerkan /Menunjukkan Kepentingan atau Nilai Warisan**

   Dokumentasi yang dilaksanakan perlu menunjuk dan memperjelaskan nilai kepentingan (*significant value*) sesuatu tapak atau bangunan warisan yang terlibat seperti aspek berkaitan sejarah, seni bina, kejuruteraan dan kebudayaan.

2. **Prinsip 2 - Maklumat yang Tepat dan Berkualiti**

   Dokumentasi perlu dilaksanakan secara jujur dan berkualiti bagi memastikan data atau maklumat yang direkodkan adalah sahih dan dapat digunakan. Hal ini sangat penting bagi memastikan maklumat yang tepat dan berkualiti disediakan kepada mereka yang memerlukan terutamanya yang terlibat dalam membuat keputusan berkaitan pemuliharaan mahupun untuk rujukan di masa hadapan.

3. **Prinsip 3 - Kebolehsampaian**

   Dokumentasi hendaklah dihasilkan menggunakan medium yang mudah dirujuk, disalin semula dan disimpan dengan memenuhi kualiti pengarkiban. Hasil dokumentasi juga perlu disediakan secara teratur, menggunakan format yang memudahkan kefahaman dan lengkap dengan rujukan-rujukan berkaitan bagi membolehkan kandungan maklumat disampaikan dengan mudah.

4. **Prinsip 4 –Kejelasan Maklumat**

   Segala maklumat yang terkandung dalam sesuatu hasil dokumentasi perlu jelas dan dapat menyampaikan maklumat dengan berkesan. Maklumat berkaitan bangunan atau tapak seperti lokasi, ukuran, jenis bahan dan skala perlu ditunjukkan dengan jelas bagi memudahkan kefahaman.

Keperluan dokumentasi Jabatan Warisan Negara dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu Sebelum, Semasa dan Selepas. Sebelum kerja-kerja pemuliharaan dimulakan, perunding Arkitek (konservator perunding) yang dilantik perlu menyediakan kajian dilapidasi yang merangkumi kajian sejarah dan nilai warisan, lukisan terukur, kajian kecacatan bangunan dan cadangan kerja-kerja pemuliharaan beserta anggaran kos. Apabila kontraktor telah dilantik bagi melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan, terdapat tiga (3) komponen dokumentasi yang perlu disediakan oleh konservator iaitu Laporan Sebelum Kerja Pemuliharaan, Laporan Semasa Kerja Pemuliharaan dan Laporan Selepas Kerja Pemuliharaan. Selain itu, laporan akhir dan penyediaan rakaman video bagi keseluruhan kerja pemuliharaan juga perlu disediakan. Penyediaan dokumen yang dinyatakan boleh dilakukan secara bersama di antara konservator perunding dan konservator kontraktor sekiranya terdapat keperluan. Perkara ini perlulah mendapat persetujuan bersama di antara pihak yang terlibat. Komponen dan kandungan dokumentasi yang diperlukan oleh Jabatan Warisan Negara adalah seperti Rajah 1.

Setiap dokumen mestilah disertakan dengan salinan PDF dalam bentuk CD yang menyatakan tajuk projek terlibat.

Semua dokumentasi mestilah disediakan dalam **BAHASA MALAYSIA**. Penggunaan Bahasa Inggeris boleh dibenarkan dalam keadaan tertentu sahaja dan mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak JWN.

Rajah 1: Keperluan Dokumentasi Jabatan Warisan Negara

Bil	Nama Dokumentasi	Peringkat	Kandungan (Bullet Points)	Disediakan
1.	Laporan Kajian Awalan	Sebelum kerja pemuliharaan	Kajian latar belakang bangunan • Reka bentuk • Sejarah • Kepentingan warisan dan keadaan sediada bangunan	Konservator (Perunding)
2.	Laporan Kajian Dilapidasi dan Cadangan Kerja Pemuliharaan	Sebelum kerja pemuliharaan (diperlukan bagi penetapan skop kerja pemuliharaan yang diperlukan)	Kajian sejarah dan nilai warisan • Laporan kecacatan bangunan • Lukisan terukur • Inventori elemen • Kaedah rawatan • Pendekatan dan cadangan pemuliharaan • Kajian saintifik dan ujian makmal	Konservator (Perunding)
3.	Laporan Sebelum Kerja Pemuliharaan (HABS I)	Sebelum kerja pemuliharaan	• Merekod fabrik bangunan semasa jumpaan dengan kaedah dan teknik yang dapat menunjukkan reka bentuk, ukuran melalui teknik fotografi yang bersesuaian.	Konservator (Perunding/ Kontraktor)
4.	Laporan Semasa Kerja Pemuliharaan (HABS II)	Semasa kerja pemuliharaan	Merekod proses kerja pemuliharaan sepanjang projek. Disediakan melalui teknik fotografi yang bersesuaian dan laporan bulanan. • 2 aspek yang perlu diberi penekanan adalah i.Tatacara kerja ii.Laporan semasa keadaan bangunan	Konservator (Kontraktor)
5.	Laporan Selepas Kerja Pemuliharaan (HABS III)	Semasa kerja pemuliharaan	Merekod keseluruhan fabrik bangunan setelah selesai kerja pemuliharaan termasuk menunjukkan bahagian yang terlibat dengan perubahan seperti penambahan dan penggantian. • Perekodan boleh dilakukan melalui teknik fotografi yang bersesuaian	Konservator (Kontraktor)
6.	Laporan Akhir Kerja Pemuliharaan		Merekod keseluruhan maklumat berkaitan projek dan semua proses kerja pemuliharaan yang terlibat sepanjang kerja dijalankan. • Perekodan boleh dilakukan melalui teknik fotografi yang bersesuaian	Konservator (Perunding/ Kontraktor)
7.	Rakaman video	Semasa dan selepas kerja pemuliharaan	Merakam atau merekod menggunakan video keseluruhan proses kerja pemuliharaan bangunan warisan dengan menggunakan kepakaran juru video profesional. • Rakaman perlu menggambarkan perjalanan keseluruhan projek dan memberi penumpuan terhadap kerja-kerja yang bersifat kritikal dan memerlukan kemahiran kerja pemuliharaan khusus. • Rakaman juga perlu menumpu ke atas kerja-kerja yang melibatkan bahagian dan elemen bangunan yang menjadi ciri-ciri penting nilai warisan.	Konservator (Perunding/ Kontraktor)

4.1 KOMPONEN DOKUMENTASI

4.1.1 Kajian Awalan

Kaji selidik di peringkat permulaan dan dokumentasi secara menyeluruh terhadap sejarah dan latar belakang tapak atau bangunan dikenali sebagai kajian awalan.

Komponen Dokumen
Laporan yang dipersembahkan perlu mengandungi maklumat seperti berikut:

i. Sejarah tapak dan kaitan dengan orang-orang tertentu seperti pemerintah, pemilik, penghuni, pengurus dan orang yang membinanya.
ii. Tujuan dan fungsi dibina, dan sejarah perkembangan pembinaan.
iii. Gambaran sejarah tapak melalui bahan-bahan visual seperti gambar foto, lukisan atau pelan-pelan lama.
iv. Reka bentuk bangunan, gaya seni bina dan pengaruh.
v. Tarikh dan sejarah perkembangan termasuk ubahsuai bangunan dan kegunaannya sehingga masa kini.
vi. Nilai warisan dan kepentingannya kepada komuniti dan persekitaran dan penyataan kaedah bagi perlaksanaan pemuliharaan yang bersesuaian.
vii. Lain-lain ujikaji/siasatan mengikut keperluan dan kepentingan bangunan.

4.1.2 Kajian Dilapidasi

Kajiselidik keadaan bangunan dan kerosakan yang dialami dikenali sebagai Kajian Dilapidasi.

Tujuan
Kajian dilapidasi adalah satu proses mengenalpasti dan merekod keadaan atau tahap kecacatan bangunan.

Kaedah
Peringkat berikut perlu diikuti apabila memulakan kaji selidik atau kajian lapangan:

i. Mendapatkan pelan bangunan atau menyediakan lukisan terukur bangunan.
ii. Menyediakan satu sistem pengkodan komponen dan elemen bagi semua bahagian bangunan dalam dan luar dengan memasukkan kod untuk elemen, lokasi, jenis dan bahan, dan kerosakan.
iii. Memasukkan sistem kod komponen dan elemen di atas lukisan (pelan) untuk kerja tapak.
iv. Lukisan atau pelan yang digunakan dalam kerja memplot kecacatan adalah pelan asas dari lukisan terukur yang telah disiapkan *(Defect Mapping).*

v. Menandakan kod elemen pada permukaan dinding elemen.

vi. Menyediakan borang kajiselidik kajian dilapidasi.

vii. Mencatat keadaan dan tahap kerosakan bangunan ke dalam borang dengan memenuhkan laporan dengan butir-butir utama:

- Nama perekod
- Tarikh merekod
- Elemen bangunan
- Lokasi/zon/kod/grid elemen
- Jenis kerosakan
- Tahap kerosakan
- Punca kerosakan
- Cadangan pemuliharaan

viii. Mengambil gambar foto setiap elemen yang dikaji.

ix. Gambar setiap elemen mengikut grid dan lokasi hendaklah disimpan didalam album dan disusun dengan sistematik mengikut sistem pernomboran yang sama seperti borang dilapidasi.

Komponen Dokumen

Menyediakan laporan bertulis dan bergambar kajian dilapidasi yang mengandungi perkara-perkara berikut:

i. Tajuk projek
ii. Sejarah dan latarbelakang bangunan bersejarah
iii. Aspek seni bina
iv. Jenis-jenis dan punca kerosakan bangunan
v. Kajian dan ujian saintifik
vi. Cadangan kerja-kerja pemuliharaan
vii. Kesimpulan
viii. Lampiran

4.1.3 Penyediaan Lukisan Terukur *(Measured Drawing)*

Tujuan

Menghasilkan dokumen lukisan terukur (*measured drawing*) melalui kerja-kerja merekod, mengukur atau mencerap ukuran bangunan dan tapak tanah bersejarah. Lukisan terukur dibuat berdasarkan cerapan ukuran sebenar bangunan dan sekiranya terdapat dinding yang condong, retak dan elemen-elemen yang hilang ia perlu direkodkan ke dalam lukisan. Dalam kerja-kerja pendokumentasian bangunan warisan, bahan dokumentasi perlu disokong dengan gambar bagi merakamkan keadaan semasa jumpaan. Ini juga bertujuan merekodkan keadaan yang sukar dibuat pengukuran.

Aspek Dokumentasi

Kerja-kerja dokumentasi bangunan melibatkan kerja-kerja pengukuran dan perekodan butiran bangunan semasa jumpaan. Ini meliputi pengukuran dari aspek:

i. Mengukur dan merekod bangunan, tapak dan bahagian-bahagian elemen bangunan sebagaimana jumpaan.
ii. Mengukur dan merekod struktur sejarah yang mempunyai keunikan seni bina dan kejuruteraan yang mana sebahagiannya telah runtuh atau hilang.
iii. Mengukur dan merekod mana-mana bukti sejarah bangunan yang asal dan bukti-bukti yang menunjukkan perkembangan.
iv. Mengukur dan merekod elemen ragam hias yang terdapat pada permukaan dinding dan bukaan seperti corak lepaan *(plasterworks)* dan ukiran kayu.

Komponen Lukisan Terukur

Lukisan Terukur yang perlu disediakan mestilah mengandungi

i. Lukisan pelan lantai
ii. Lukisan pandangan sisi
iii. Lukisan pandangan hadapan dan belakang
iv. Lukisan keratan
v. Lukisan bumbung
vi. Lukisan terperinci elemen
vii. Lukisan aksonometrik

4.1.4 Penyiasatan dan Uji Kaji Bahan

Penyiasatan dan uji kaji bahan penting dilaksanakan bagi mengenalpasti bahan binaan yang asal di samping mengetahui ketahanan bahan binaan. Hasil daripada penyiasatan bahan, bekalan sumber untuk menyediakan semula bahan binaan baharu kepada bentuk dan komposisi kandungan asal dapat diketahui atau diperolehi. Bagi mendapatkan maklumat yang berbentuk saintifik tentang bangunan bersejarah dan ianya hanya boleh diperolehi melalui analisis sampel bahan binaan.

4.1.5 Kajian Arkeologi

Ekskavasi Arkeologi

Survei dan ekskavasi arkeologi memainkan peranan yang penting dalam kerja-kerja pemuliharaan sesebuah tapak warisan. Namun pelaksanaan ini adalah bergantung kepada keperluan tapak. Kerja-kerja ini perlu dilaksanakan bagi tujuan :-

Mengesan Struktur Yang Tertimbus

Seringkali terdapat penemuan struktur yang terkambus apabila kerja-kerja penggalian dilaksanakan ke atas tanah tapak warisan. Ini adalah berkemungkinan binaan yang ada sekarang didirikan di atas tapak bangunan lama ataupun sebahagian dari binaan yang ada sekarang didirikan di atas tapak bangunan lama ataupun sebahagian dari binaan yang ada telah tertimbus setelah ianya runtuh.

Justeru dengan pengesahan melalui proses ekskavasi ini kajian dengan lebih teliti dapat dilakukan kepada struktur tersebut yang memungkinkan untuk memperolehi rekabentuk, jenis bahan dan cara pembinaannya dengan lebih tepat.

Mengesan Artifak Arkeologi
Di dalam sesebuah tapak warisan memang telah pasti akan jumpaan artifak arkeologi yang mempunyai hubungkait yang rapat dengan monumen tersebut. Malahan melalui penemuan seperti ini ianya akan dijadikan fakta pelengkap kepada sejarah yang berkait rapat dengan monumen tersebut.

4.1.6 Dokumentasi Bangunan – Sebelum Kerja Pemuliharaan

Dokumentasi bangunan merupakan aktiviti merekod bangunan warisan sebelum sebarang kerja-kerja pemuliharaan dibuat. Melalui dokumentasi bangunan, keadaan dan kaedah pembinaan bangunan dapat diterokai. Ini termasuklah gaya seni bina, rupa bentuk, kemasan dan perincian ragam hias dan keadaan bangunan sebagaimana jumpaan. Dokumentasi bangunan diperingkat ini dikenali sebagai *Laporan Sebelum Kerja Pemuliharaan.*

Kandungan
Keadaan rupabentuk dan keadaan bangunan semasa hendaklah direkodkan melalui permerhatian visual dan kaedah fotografi bersesuaian.

Format
Format laporan boleh diperolehi daripada Jabatan Warisan Negara untuk rujukan.

4.1.7 Dokumentasi Bangunan – Semasa Kerja Pemuliharaan

Laporan Mingguan dan Bulanan – Semasa Kerja Pemuliharaan
Melaporkan kerja-kerja pemuliharaan yang dilaksanakan. Laporan mesti menghuraikan kaedah dan teknik pemuliharaan pada setiap bahagian bangunan. Laporan mesti disokong dengan gambar foto, pelan menunjukkan lokasi kerja dan sekiranya perlu disertakan juga lukisan binaan.

Kandungan

Keseluruhan proses kerja hendaklah direkodkan melalui laporan bertulis serta gambar foto yang mengandungi kaedah dan tata cara kerja bagi setiap kes atau skop pemuliharaan. Keseluruhan proses kerja yang didokumenkan ini merupakan komponen dokumen peringkat ini. Dokumen yang perlu disediakan ialah:

i. Rekod fotografi yang bersesuaian.

ii. Laporan mingguan – catatan aktiviti harian kerja-kerja pemuliharaan bangunan bersejarah termasuk keadaan cuaca harian dan peratus kemajuan projek.

iii. Laporan bulanan – Mengumpul bahan-bahan dari laporan mingguan dan menghasilkannya pada setiap akhir bulan.

Format
Format laporan boleh diperolehi daripada Jabatan Warisan Negara untuk rujukan.

4.1.8 Dokumentasi Bangunan – Selepas Kerja Pemuliharaan

Memplot butiran bangunan selepas pemuliharan dengan melengkapkan 'a*s-built drawing*' bahagian yang dibuat tambahan atau perubahan ke atas struktur sedia ada. Lukisan ini juga perlu dilengkapkan dengan skima warna bagi butiran dinding, bukaan termasuk dekorasi bahagain luar dan dalam.

Kandungan
Keadaan rupabentuk dan keadaan bangunan hendaklah direkodkan melalui pemerhatian visual dan kaedah fotografi bersesuaian.

Format
Format laporan boleh diperolehi daripada Jabatan Warisan Negara untuk rujukan.

4.1.9 Dokumentasi Bangunan - Laporan Akhir

Melaporkan kerja-kerja pemuliharaan yang telah dilaksanakan dari peringkat permulaan projek sehingga tamat projek. Laporan kerja-kerja pemuliharaan merupakan sebahagian daripada proses pemuliharaan warisan. Laporan ini merupakan bukti dan rekod sejarah yang berlaku pada bangunan dan tapak warisan. Laporan ini akan menjadi rujukan untuk kerja-kerja pemuliharaan pada masa hadapan.

Kandungan
Laporan mesti mengandungi perkara berikut:

i. Tajuk projek
ii. Pengenalan
iii. Latar belakang projek
iv. Latar belakang sejarah bangunan dan tapak
v. Seni bina bangunan
vi Keadaan bangunan
vii. Uji kaji bahan dan struktur
viii Kerja-kerja pemuliharaan
ix. Kerja-kerja baharu
x. Rujukan
xi. Lampiran - pelan 'as built', lukisan binaan, tata cara kerja dan alamat pembekal

Format

Format laporan boleh diperolehi daripada Jabatan Warisan Negara untuk rujukan.

4.1.10 Dokumentasi Video

Dokumentasi Video berdurasi sekurang-kurangnya 30 minit perlu disediakan. Kandungan video merangkumi keseluruhan proses kerja pemuliharaan dari peringkat awal hingga siap. Penyediaan dokumentasi video perlu diperhalusi dan diteliti kandungannya agar keseluruhan video dapat memberi informasi yang berguna. Kandungan video perlu disahkan oleh konservator dan penyediaan video berkualiti tinggi haruslah dihasilkan.

4.1.11 Kelulusan Tatacara Kerja

Penyediaan tatacara kerja yang tepat perlu disediakan oleh pihak konservator (kontraktor) bagi mana-mana skop kerja konservasi bangunan Warisan atau Warisan Kebangsaan. Penyediaan tatacara kerja diperolehi melalui persetujuan dan perbincangan di antara konservator (kontraktor) dan konservator (perunding). Pihak konservator perlu memastikan setiap tatacara kerja yang dicadangkan adalah merupakan tatacara kerja yang telah terbukti keberkesanannya dan bersesuaian dengan keperluan struktur bangunan.

Setiap tatacara kerja perlu dikemukakan kepada Pesuruhjaya Warisan bagi mendapatkan ulasan dan kebenaran menjalankan kerja sebelum tatacara kerja tersebut mendapat kelulusan Pegawai Penguasa projek. Berdasarkan penyataan di dalam dokumen kontrak bagi mana-mana projek pembinaan, kelulusan bagi sebarang pelaksanaan kerja perlu diperolehi daripada Pegawai Penguasa projek. Ulasan dan kebenaran dari Pesuruhjaya Warisan adalah amat penting memandangkan bangunan telah diwartakan di bawah Akta 645 yang mana menjadi tanggungjawab Pesuruhjaya Warisan bagi memastikan setiap kerja pemuliharaan yang dilakukan, perlu selaras dan mematuhi kehendak di dalam Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan ini.

BAHAGIAN LIMA

BAHAGIAN LIMA

5.0 KESIMPULAN

Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan adalah merupakan salah satu instrumen penting dalam memastikan segala kerja pemuliharaan terhadap tapak Tapak Warisan/Warisan Kebangsaan dapat dijalankan selaras dengan kehendak Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Secara ideal, garis panduan ini wajar dibaca bersama Akta Warisan Kebangsaan yang merupakan nadi kepada perlindungan tapak-tapak yang telah diwartakan di seluruh Malaysia.

Garis panduan ini dibahagikan kepada beberapa kandungan utama iaitu: Pengenalan, Prinsip dan Proses Pemuliharaan, Kaedah dan Teknik Pemuliharaan, Pendokumentasian, serta Kesimpulan. Setiap bahagian menerangkan secara khusus dan terperinci berkenaan kehendak dan keperluan Jabatan Warisan Negara dalam menjalankan kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan di tapak yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan. Isi kandungan yang menyeluruh dan mudah difahami diharap dapat memberi impak langsung dalam menentukan kaedah serta teknik konservasi yang bersesuaian terhadap sesuatu elemen bangunan.

Selain itu, garis panduan ini turut merujuk kepada garis panduan antarabangsa seperti Piagam Burra dan Piagam Australia serta disesuaikan dengan amalan pemuliharaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Warisan Negara. Hal ini adalah untuk menjamin piawaian yang terbaik di samping memastikan amalan pemuliharaan semasa di Malaysia adalah setaraf dengan amalan antarabangsa.

Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan wajib dipatuhi oleh semua agensi (swasta dan kerajaan)/persatuan/individu yang berhasrat untuk melaksanakan kerja-kerja memulihara dan membaikpulih di tapak yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan. Walaubagaimanapun, garis panduan ini juga sesuai untuk dijadikan rujukan bagi tapak dan bangunan bersejarah yang tidak diwartakan di seluruh Malaysia.

GUIDELINES OF HERITAGE BUILDING CONSERVATION

NATIONAL HERITAGE DEPARTMENT 2017
MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE MALAYSIA

NOTICE

This Guideline replace the former Guideline on Heritage Building Conservation, versions 2012, 2014, 2016 which were then prepared by the National Heritage Department, Malaysia.

This Guideline should be read in context with the National Heritage Act 2005 (Act 645), regulations and policies at Federal and State levels, as well as any other known Guideline that may have been prepared by related Departments or any other technical agencies.

Preface

Since the establishment of the National Heritage Department in the year 2006, the Conservation Division of the National Heritage Department has devised several improvements to the guidelines on Heritage Building Conservation in 2016 as a guide for the implementation of heritage building conservation works in Malaysia and to ensure that all of the conservation efforts are being carried out in line with the requirements and would satisfy the needs of the National Heritage Act 2005(Act 645). In accordance with the vision and mission of the National Heritage Department in the preservation and conservation of the nation's heritage treasures, the preparation and publication of this Guideline on Heritage Building Conservation 2016 were made in tandem with the role of the Heritage Commissioner in promoting and were uphold in high standards and practices expected in heritage preservation and conservation.

As part of the effort, the Conservation Division of the National Heritage Department has taken the proactive step of conducting reviews on the Guidelines on Heritage Building Conservation in cooperation with various academicians and professionals who possess the expertise and experience in fields related to conservation, to ensure that the contents and requirements in this Guideline is fulfil the principles and the needs of heritage building conservation.

The Guidelines on Heritage Building Conservation 2016 will be published in both (Bahasa Melayu and English) in the effort to promote preservation and conservation in order to enhance and lengthen the lifespan of buildings that have undergone conservation, so that they may be continuously known and appreciated by future generations.

The objectives of the preparation and publication of the Guidelines on Heritage Building Conservation are as follows:

- As a basic guide for parties who are responsible in the compliance of principles and implementation of procedures that are applied in building conservation in Malaysia, so that the provisions of the National Heritage Act 2005 (Act 645) are followed; and referring correspondingly to heritage building conservation principles as contained in international charters and guidelines such as from UNESCO and ICOMOS.
- As guidelines for the ethics and instructions on conservation that consist of requirements and limitations on works and interventions that are permitted in the implementation of conservation efforts.

These reviews on the Guidelines on Heritage Building Conservation are the current initiatives that include several other proactive steps being taken such as registering an approved list of Conservators with the National Heritage Department and appointing a Registered Conservator therefrom in assisting with heritage building conservation works in Malaysia. Conservators registered under the National Heritage Department, the Department hopes that Conservators will ensure that all activities and works related to heritage building conservation will adhere to principles and procedures contained in these Guidelines.

Guidelines on Heritage Building Conservation by the National Heritage Department, and other Guidelines by other local authorities, it will help to give a clear set of guiding points and procedures in the implementation of heritage building conservation works.

The highest appreciation is accorded to the Heritage Commissioner and to those who have done their best in coming up with this Guideline on Heritage Building Conservation especially on this updated version. Appreciation is recorded to: -

BIL	ORGANIZATION	NAME
	Invatation Panel	
1 •	University of Science Malaysia	Prof. Dr. A Ghafar B. Ahmad
2 •	University of Technology Mara	Prof. Madya. Dr. Siti Norlizaiha Bt Harun
3 •	University of Technology Mara	Prof. Madya. Amran B. Abdul Rahman
4 •	University of Technology Mara	Dr. Shahrul Yani Bt. Said
5 •	International of Islamic University	Dr. Nurul Hamiruddin Bin Salleh
6 •	Universiti Malaya	Sr. Dr. Zuraini Bt. Md Ali
7 •	Georgetown World Heritage Incorporated	Lim Chooi Ping
	National Heritage Department	
8 •	Director General	Dato' Dr. Zainah Bt. Ibrahim
9 •	Deputy Director General	Tuan Hj. Mesran Bin Mohd Yusop
10•	Conservation Division	Sr. Dr. Robiah Bt Abdul Rashid • Sangam@ Musa Antok • Wan Noazimah Bt. W Kamal • Sahrudin B. Mohamed Som • Edwin Clarie Edward • Rafeah Bt Ibrahim • Nasarudin Bin Sulaiman • Mahadzir Bin Mohd Aris • Mas Ayu Bt Mohd Tahir • Mohamad Fitri Bin Pathil • Afiszal Bin Abu Sha'ari • Mohd Risham Bin Mohd Rawi • Johari Bin Baharom • Mohd Hadi Bin Muhamad Ganti • Shairul Atikah Bt. Mohd Sha'ari • Mohd Dzahirudeen Bin Yahaya • Fakhrul Iqbal Akhrul Iqbal Bin Mohd Fauzi •
11 •	Management Service Division	Muhammad Heeza Bin Hassan
12 •	Heritage Registration Division	Muhammad Muda Bin Bahadin
13 •	Archaeology Division	Ruzairy Bin Arbi
14 •	Intangible Heritage Division	Khalid Bin Syed Ali
15 •	World Heritage Division	Mohd Syahrin Bin Abdullah
16 •	Central Zone	Johar Bin Kadis
17 •	Southern Zone	Masni Bt. Adeni
18 •	Northern Zone	Ardi Asmera Bin Saeman
19 •	Eastern Zone	Mohd. Syukri Bin Mohd. Isa

CONTENTS

PART 1

PART ONE

1.0 INTRODUCTION

This Guideline on Heritage Building Conservation are prepared as an essential guide for the implementation of conservation works in Malaysia. The preparation of the Guideline refers to the National Heritage Act 2005 (Act 645) and conservation guidelines at the international level such as under the United Nations Education, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) and charters under the International Council on Monuments and Sites (ICOMOS) including the Burra Charter, Australia Charter 1999 (Charter for the Conservation of Places of Cultural Significance). The reference to guidelines from UNESCO and ICOMOS in this Guideline is more towards building conservation principles. Apart from Act 645 and the international guidelines, the preparation of this Guideline is also based on practices and experiences that have been implemented by the National Heritage Department (JWN). With the establishment of this Guideline all activities and works related to the conservation of heritage buildings or structures and their sites must adhere to the principles and procedures contained in this Guideline.

The content of this Guideline are divided into four (4) main parts, namely:

PART 1: Introduction
PART 2: Conservation Principles and Processes
PART 3: Conservation Methods and Techniques
PART 4: Documentation

1.1 Definition of Heritage

Heritage is generally defined as something of significance or value that is inherited from one generation to another. It encompasses culture and tradition, historic sites and places of buildings or structures, as well as archival and printed or written material such as letters, books and manuscripts. Such cultural heritage as aforementioned are precious assets because they embodied the nation's cultural, historical, archaeological, architectural, aesthetic, scientific, social, spiritual, linguistic or technological values and records. Specifically, the United Nations Education, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) defined Heritage Buildings as encompassing the following aspects:

- **Monuments**: architectural works, works of monumental sculpture and painting, elements or sculptures of an archaeological nature, inscriptions, cave dwellings and combinations of features, which are of outstanding universal value from the point of view of history, art and science;

- **Groups of buildings**: groups of separate or connected buildings which,because of their architecture, their homogeneity or their place in the landscape, area of outstanding universal value from the point of view of history, art and science;

- Sites: works of man or the combined works of nature and man,and areas including archaeological sites which are of outstanding universal value from the historical, aesthetic, ethnological or anthropological point of view.

The National Heritage Act 2005 (Act 645) interprets Heritage Building as follows:

- **Building**
